



مريدان كمالوان نكرو فيراق
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK



LAPORAN TAHUNAN

2017

PERBADANAN KEMAJUAN
NEGERI PERAK

50 tahun
PKNP
1964-2017



Muhammad Shahrel Fikri
bin Md. Fauzi
"Penyerang Terbaik"
Anugerah Bola Sepak
Kebangsaan 2017



مريدان كمالجوان نكرو فيراق
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK



LAPORAN TAHUNAN

2017

PERBADANAN KEMAJUAN
NEGERI PERAK

50 tahun
PKNP
1967-2017



Muhammad Shahrel Fikri
bin Md. Fauzi
"Penyerang Terbaik"
Anugerah Bola Sepak
Kebangsaan 2017

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK ASAS PERHUBUNGAN



مبدائن كمالوان نكزي فراق
KUMPULAN PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

"...statutory authorities have been created to combine certain principles namely, **public ownership**, a broad but not too detailed public accountability, a **consciousness that they are working in national interest, together with the liveliness and initiatives which are associated with enterprising and progressive business concerns. Their existence is justified only if they have in fact carried out national objectives** combined at the same time, because of the relative freedom they enjoy in day-to-day management, **with good business practice...**"

Allahyarham
YAB Tun Abdul Razak bin Hussein,
Perdana Menteri Malaysia
Berhubung Penubuhan Badan-badan Berkanun
Kerajaan Malaysia



> ISI KANDUNGAN

PROFIL KORPORAT

Penubuhan, Misi, Visi dan Objektif	4
Piagam Pelanggan	5
Teras Strategi	6

MAKLUMAT KORPORAT

Ahli Lembaga Pengarah	7
Pengurus Kanan	8
Carta Organisasi	9
Struktur Organisasi	10



PERUTUSAN Pengerusi Kumpulan PKNP

11

**LAPORAN AKTIVITI PENGURUSAN DAN PRESTASI KUMPULAN PKNP
BAGI TAHUN 2017**

1.0	Kemajuan Hala Tuju Korporat Sehingga Tahun 2017	16
2.0	Senario Ekonomi dan Persekitaran Perniagaan	20
3.0	Aktiviti Korporat	21
4.0	Program-program bagi Menyokong Pertumbuhan Ekonomi Negeri	22
5.0	Peranan Sebagai Agensi Pembangunan Usahawan	39
6.0	Peranan Sebagai Pemegang Amanah	44
7.0	Program Tanggungjawab Sosial (CSR) Kumpulan PKNP Tahun 2017	45
8.0	Laporan Prestasi Kewangan	47
9.0	Laporan Sumber Manusia	48
10.0	Prospek Masa Hadapan	50
11.0	Penghargaan	51

DIARI KORPORAT 2017

52

PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

67



> PROFIL KORPORAT



مريدانز كعماوان نكزي فبراق
KUMPULAN PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

No.1-A, Blok A, Menara PKNP,
Jalan Meru Casuarina,
Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan, Malaysia.
4°40'06.9"N 101°04'40.4"E

Tel (605) 5019 888 Faks (605) 5019 999
www.pknpgroup.com.my
info@pknpgroup.com.my

Penubuhan

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK ditubuhkan melalui Enakmen Bil. 3/1967 dan berkembang sebagai Perbadanan Induk yang berdikari dengan visi, misi dan objektif seperti berikut :-

Visi

PKNP bertekad untuk menjadi sebuah agensi kemajuan negeri yang dinamik, berdaya maju dan bersifat global serta menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan sosio-ekonomi negeri.

Misi

Memenuhi peranan yang dipertanggungjawabkan kepada PKNP seperti berikut :-

- Sebagai sebuah Penggerak Pertumbuhan Ekonomi Negeri.
- Sebagai Pemegang Amanah Ekonomi bagi pihak Bumiputera.
- Membangunkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB).

Objektif

- Membantu meningkatkan pembangunan sektor ekonomi negeri menerusi penggalakan pelaburan dan penerokaan bidang-bidang baru.
- Membantu pembangunan wilayah menerusi aktiviti pembangunan perindustrian, bandar baru dan pekan kecil.
- Meningkatkan prestasi pelaburan menerusi pengukuhan dan penyenaian syarikat di Bursa Malaysia.
- Melaksanakan fungsi sebagai agensi amanah dapat dilaksanakan secara cekap dan berkesan.
- Meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam sektor ekonomi berdaya maju.
- Mewujudkan budaya korporat dan berintegriti di kalangan warga kerja.

> PIAGAM PELANGGAN



1. KEPADA SEMUA PELANGGAN

Kami komited menyebarkan informasi aktiviti-aktiviti utama kami kepada semua pelanggan melalui saluran capaian sedia ada.

2. KEPADA PELABUR

Kami komited dan sedia mengalu-alukan para pelabur mencari peluang pelaburan di Negeri Perak. Kami berusaha untuk :-

- Menyediakan suasana pelaburan yang kondusif untuk bertapak di Negeri Perak
- Memudahkan capaian peluang-peluang sumber, infrastruktur dan perkhidmatan
- Menyokong pembangunan projek-projek berimpak tinggi
- Kami akan memastikan pelabur berpotensi memperoleh maklumat pelaburan dalam tempoh 2 bulan bagi mengukuhkan komitmen mereka

3. KEPADA PELANGGAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN

Kami bertekad memastikan pelaksanaan projek-projek pembangunan menepati syarat-syarat perjanjian, prosedur dan proses yang telus dan mudah difahami.

4. KEPADA USAHAWAN

Kami bertekad memastikan pelaksanaan program-program pembangunan keusahawanan berterusan sebagai perangsang dan memberi pulangan kepada usahawan dan bakal usahawan sekurang-kurangnya tiga kali setahun.

5. KEPADA KERAJAAN DAN AGENSI-AGENSI KERAJAAN

Kami komited untuk bekerjasama dengan kerajaan dan agensi-agensi kerajaan yang lain bagi memastikan polisi serta pencapaian objektif Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan tercapai.

6. KEPADA BADAN-BADAN BUKAN KERAJAAN

Kami bertekad untuk menyedia, menyokong dan menyalurkan informasi serta perkhidmatan yang saling memberi manfaat bersama.

7. KEPADA PEMBEKAL DAN KONTRAKTOR

Kami komited untuk bekerjasama dengan pembekal dan kontraktor yang dilantik bagi memastikan pelaksanaan perkhidmatan berjalan lancar dan menepati masa serta memastikan pembayaran perkhidmatan diselaraskan dalam tempoh yang ditetapkan.

> TERAS STRATEGI

Sebagai penggerak pertumbuhan ekonomi negeri :-

- Mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk pertumbuhan ekonomi.
- Merangsangkan pembangunan sektor-sektor ekonomi yang berdaya maju.
- Memperkukuhkan sistem penyampaian dan penggalakan pelaburan.

Sebagai pemegang amanah ekonomi bagi pihak Bumiputera :-

- Mewujudkan aset amanah yang berkualiti, mampan dan berdaya maju.
- Menyeimbangkan pemilikan aset perniagaan kepada Bumiputera.

Membangunkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) :-

- Proses pembangunan modal insan melalui pembudayaan dan bimbingan.
- Mewujudkan suasana yang kondusif kepada usahawan Bumiputera daripada aspek sistem penyampaian kerajaan, aksesibiliti kepada pasaran, teknologi, sumber pengeluaran dan peluang-peluang perniagaan.
- Memberi ruang dan peluang dari sektor-sektor ekonomi yang strategik, berdaya maju dan mampan.
- Memperbanyakkan program-program pembangunan keusahawanan.

Menjadikan organisasi yang berdaya maju berteraskan kepada kreativiti dan inovasi, berdikari, bersifat global serta berintegriti :-

- Aktiviti-aktiviti perniagaan yang menyokong pertumbuhan ekonomi atau memenuhi keperluan pertumbuhan ekonomi serta menjadi aset berkualiti dan mampan.
- Penerokaan sektor-sektor perniagaan yang strategik dan menguntungkan dengan penumpuan kepada sektor-sektor seiring dengan dasar-dasar kerajaan semasa.
- Pendekatan pembangunan yang seiring dengan dasar dan matlamat Kerajaan Negeri.
- Pendekatan penyertaan aktiviti baru berdasarkan kekuatan dan perencanaan daripada sumber yang ada.
- Mewujudkan struktur pengurusan yang berkesan, dinamik dan bersifat global serta mampu menyesuaikan dengan perubahan dan persekitaran semasa.
- Pembangunan modal insan yang kreatif, mempunyai budaya pengurusan yang produktif dan memenuhi matlamat yang ditetapkan dan berintegriti.

> MAKLUMAT KORPORAT AHLI LEMBAGA PENGARAH



Berdiri dari kiri

ENCIK RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

A.M.P., P.P.T.

Pengarah Tanah dan Galian, Perak Darul Ridzuan

ENCIK HUZAINI BIN RAMLI

Timbalan Pengarah Belanjawan,
Sektor Ekonomi & Industri,
Pejabat Belanjawan Negara

YBHG. DATO' DR AHAMED KAMEEL MYDIN MEERA

D.P.M.P.

Pengarah Urusan
Z Consulting Group (ZCG)

CIK NORMAH BINTI OSMAN

Pengarah Kanan,
Bahagian Perdagangan dan Ekonomi Dua Hala
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
(MITI)

YB DATUK AMINUDDIN BIN MD HANAFIAH

D.M.S.M.

Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Hulu Kinta

YBHG. DATUK WIRA AZHAR BIN ABDUL HAMID

D.P.T.J.

Ketua Pegawai Eksekutif
MRT Corporation Sdn. Bhd.

Duduk dari kiri

YB DATO' HAJI MOHD GAZALI BIN JALAL

D.P.C.M., D.P.M.P., P.C.M., A.M.P.

Pegawai Kewangan Negeri Perak Darul Ridzuan

YB DATO' SERI ABDUL PUHAT BIN MAT NAYAN

S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., K.M.N., P.M.P., A.M.P., P.P.T.
Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan

YAB DATO' SERI DIRAJA DR ZAMBRY ABD KADIR

S.P.S.A., S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P., A.M.S.

Menteri Besar Perak Darul Ridzuan
Merangkap Pengerusi Perbadanan Kemajuan Negeri Perak

YB DATO' ROHANA BINTI ABD. MALEK

D.P.C.M., K.M.N.

Penasihat Undang-Undang Negeri Perak Darul Ridzuan

YB DATO' MOHAMMAD ZAHIR BIN ABDUL KHALID

D.P.C.M., A.M.P.

Pengerusi Jawatankuasa Industri, Pelaburan dan
Pembangunan Koridor

YBHG. DATO' SAIFUL ANUAR BIN LEBAI HUSSEN

(Tiada dalam gambar)

J.S.M.

Timbalan Ketua Pengarah,
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

> PENGURUSAN KANAN



Dari kiri

AMIRUL HAKIM BIN ABDULLAH

Timbalan Ketua Eksekutif (Perkhidmatan Korporat) (Memangku)

DATO' AMINUDDIN BIN MD. DESA

D.S.D.K.

Ketua Eksekutif


RUSTAM APANDI BIN JAMALUDIN

Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi Perniagaan)

ROZAHAN BIN OSMAN

Ketua Pegawai Kewangan

CARTA ORGANISASI



> STRUKTUR ORGANISASI



مبدان كمالوان نكزي فراق
KUMPULAN PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

KUMPULAN PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

52.90%



Perak Corporation Berhad
Pegangan Pelaburan dan
Perkhidmatan Pengurusan

50.90%



Majuperak Holdings Berhad
Pegangan Pelaburan

100%



Perak Corporation Berhad
Pegangan Pelaburan

100%



**Perak Industrial
Resources Sdn Bhd**
Pegangan Pelaburan

100%



Perak Equity Sdn Bhd
Pegangan Pelaburan

100%



Star Career Sdn Bhd
Pegangan Pelaburan

100%



**Perak E-Organization
Sdn Bhd**
Pengurusan Teknologi Maklumat

100%



Perak Hi-Tech Park Sdn Bhd
Hartanah Taman Teknologi
Tinggi

100%



**Perak Bio Corporation
Sdn Bhd**
Hartanah BioD

100%



**Perak Halal Corporation
Sdn Bhd**
Perkhidmatan Perunding
dan Pengurusan Halal



Tersenarai di Bursa Malaysia



Tidak disenaraikan di Bursa Malaysia

> PERUTUSAN PENGGERUSI PKNP

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia dan Salam Perak Amanjaya.

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wataala di atas ruang dan peluang yang diberikan kepada saya bagi menyampaikan perutusan Laporan Tahunan 2017. Laporan ini adalah satu pembentangan pencapaian komprehensif Kumpulan PKNP dalam melaksanakan tugasnya sebagai agensi penggerak utama ekonomi bagi Negeri Perak Darul Ridzuan serta memastikan projek-projek dan aktiviti-aktiviti pembangunan negeri yang diamanahkan dapat direalisasikan sebaik mungkin.

Sambutan ulang tahun ke-50 penubuhan PKNP pada tahun 2017 merupakan tahun yang amat mencabar bagi PKNP dalam merealisasikan visi dan misi mereka. PKNP juga telah mengharungi pelbagai cabaran dalam menyempurnakan projek-projek yang telah diamanahkan kepada mereka.

Namun begitu, berpaksikan kepada mandat yang telah diberi bagi membangunkan ekonomi serta sosio-ekonomi Negeri Perak, pengurusan PKNP telah menekankan usaha gigih, produktif dan kreatif kepada seluruh warga kerja PKNP dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diberikan untuk memacu ekonomi Negeri Perak ke tahap yang lebih tinggi.

Selaras dengan Pelan Strategik Kumpulan PKNP tahun 2014 hingga 2018, PKNP kekal di dalam tiga (3) sektor utama perniagaannya iaitu Pembangunan Hartanah, Pelabuhan & Logistik serta Hospitaliti dan Pelancongan.

Antara projek-projek yang terus berjalan seperti yang dirancang adalah projek Perumahan Mampu Milik serta Pembangunan Semula Pekan-Pekan Kecil bagi menyokong usaha Kerajaan Negeri dalam merealisasikan Pelan Pembangunan Perak Amanjaya dan Wawasan 2020.

Bagi pihak Ahli Lembaga Pengarah PKNP, saya dengan ini berbesar hati membentangkan Laporan Tahunan PKNP bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.



Y. BHG. DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY BIN ABD KADIR
S.P.S.A., S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P., P.A.T., A.M.S
Menteri Besar Perak Darul Ridzuan
Pengerusi Perbadanan Kemajuan Negeri Perak



Tadbir Urus Korporat

Sejajar dengan Pelan Strategik Kumpulan PKNP, struktur operasi yang bersepadu dan telus menjadi keutamaan dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh Kerajaan Negeri Perak. Program 'Cultural Transformation Programme' (CTP) – "Moh Kite, Change The Landscape" yang membudayakan integriti dan penerapan nilai-nilai korporat Kumpulan PKNP diteruskan dengan aktiviti berkala seperti *Morning Briefing*.

Dalam pada itu, PKNP komited dalam melaksanakan Individual Development Plan (IDP) yang menggunakan *Competency Based Assessment (CBA)* bagi pekerja di peringkat Eksekutif. Bersandarkan kepada sifat-sifat keperibadian Nabi Muhammad Sallahu Alaihi Wassalam seperti Siddiq, Amanah, Tabligh dan Fatanah, kompetensi warga kerja diukur pada sifat teras dan juga sifat kepimpinan yang kemudiannya digunakan bagi mengenal pasti kemahiran dan jurang kecekapan dalam menyediakan satu pelan pembangunan warga kerja yang dapat membantu menaikkan tahap kompetensi warga kerja.



Pembangunan Bandar Meru Raya

Bulatan Amanjaya



Dalam membangunkan Bandar Meru Raya (BMR) sebagai sebuah bandar metropolis satelit Ipoh, PKNP mempunyai visi untuk menjadikan BMR sebagai sebuah hab pelancongan bersepadu dengan beberapa tarikan pelancong yang telah mula beroperasi pada tahun 2017 seperti Movie Animation Park Studios (MAPS), Bulatan Amanjaya dan Restoran Rumah Melayu Tradisional (RRTM).

Kerancangan pembangunan di BMR turut memberi impak positif kepada nilai pasaran hartanah yang bernilai RM48 sekaki persegi pada 2014 kini telah melonjak melebihi RM100 sekaki persegi pada tahun 2017.

Selain menjadikan BMR sebuah hab pelancongan, PKNP berhasrat untuk menjadikan BMR sebagai pusat kerajaan Negeri Perak yang baharu. Oleh yang demikian, beberapa jabatan/agensi kerajaan telah memindahkan operasi mereka ke BMR seperti Kementerian Dalam Negeri dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Selain itu, perancangan juga dilakukan untuk memindahkan jabatan/agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan Arkib Negara yang sedang dalam proses pembinaan dan cadangan pembangunan Ibu Pejabat Kontinjen Polis Diraja Malaysia (PDRM) Perak dan Ibu Pejabat Daerah Polis Diraja Malaysia (PDRM) Ipoh Barat.



Pembangunan Koridor Ekonomi Wilayah Perak Selatan (WPS)

Wilayah Perak Selatan adalah sebuah inisiatif pembangunan koridor ekonomi baru seluas 1 juta ekar di Negeri Perak yang melibatkan daerah seperti Muallim, Tapah, Bagan Datuk dan Hilir Perak. 15 projek pemangkin ekonomi akan dilaksanakan di daerah-daerah terlibat yang bakal menumpukan kepada bidang industri berat, automotif, pendidikan dan industri asas tani.

Antara projek-projek pemangkin ekonomi yang bakal dilaksanakan di WPS adalah *Bagan Datuk Water City (BDWC)*, *Perak Heavy Industrial Park*, *Next Generation Heavy Vehicle 25* dan industri agro tani. BDWC adalah antara projek utama di bawah pembangunan WPS yang merupakan pembangunan bercampur berkonsepkan hijau dan mampan di kawasan seluas 4,100 ekar dan terletak kira-kira 8 km dari pekan Bagan Datuk. Fasa-fasa di dalam pembangunan BDWC termasuklah pembinaan pusat-pusat pentadbiran, pembangunan komersial dan kawasan perumahan.



Dataran Amanjaya Bagan Datuk



Hospitaliti dan Pelancongan

PKNP meneruskan kesinambungan di dalam pembangunan hospitaliti dan pelancongan melalui transformasi Rumah – Rumah Rehat di Negeri Perak yang dijenamakan semula sebagai Lanai Casuarina. Lanai Casuarina @ Cempaka Sari, Parit telah beroperasi sepenuhnya sejak 1 Julai 2016.

Sementara itu, pembangunan semula Rumah Rehat Kuala Kangsar dan Rumah Rehat Teluk Intan masing-masing dijangka siap pada suku ketiga tahun 2019.

Kedua-dua rumah rehat ini akan dinaik taraf kepada hotel 4 bintang yang akan dikenali sebagai Hotel Casuarina @ Teluk Intan dan Hotel Casuarina @ Kuala Kangsar.

PKNP juga telah dipertanggungjawabkan melalui jenama "Casuarina" bagi menguruskan operasi Rumah Rehat Kerajaan Negeri (RRKN) di Teluk Dalam, Pulau Pangkor dan Pasir Salak Eco-Resort (PSER) di Kampung Gajah. Kedua-dua penginapan ini akan dikendalikan oleh Pengurusan Hotel Casuarina dan Lanai.



Pulau Pangkor



Pelabuhan dan Logistik

Pelabuhan Lumut yang diuruskan oleh Lumut Maritime Terminal Sdn Bhd (LMTSB) telah beroperasi sejak tahun 1995 menjadi antara pemangkin utama kepada pertumbuhan ekonomi, industri dan pembangunan di Negeri Perak. Dalam usaha untuk terus berdaya maju, LMT telah melaksanakan pelan perniagaan strategik 10 tahun (2016–2026) yang mensasarkan peningkatan kapasiti dan keupayaan pengendalian kargo.

Sehubungan dengan itu, pembinaan LMT2 juga sedang giat dirancang meliputi kawasan seluas 115 ekar di Batu Undan. Pembinaan LMT2 bakal melengkapi pembesaran ruang kargo LMT1 yang dijangka mampu mengendalikan kargo berkapasiti sehingga 7 juta tan metrik di masa hadapan. Dengan ini, LMT mampu menawarkan kapasiti pengurusan kargo yang lebih besar seterusnya kekal berdaya saing dengan pelabuhan-pelabuhan lain.



Pecah Tanah Projek Pembesaran dan Pemodenan Lumut Port



Pembangunan Taman Perindustrian

Di dalam melaksanakan Program Transformasi Kumpulan bagi taman perindustrian, PKNP masih meneruskan strategi dan inisiatif yang bersesuaian bagi perancangan pembangunan tanah-tanah perindustrian sedia ada. Sehubungan itu, PKNP bersama-sama dengan pihak berkuasa tempatan dan agensi-agensi teknikal yang berkaitan terlibat dalam beberapa mesyuarat penyelarasan pusat yang dianjurkan bersama bagi memastikan pembangunan industri yang mampan di seluruh Negeri Perak.

PKNP juga meneruskan kerjasama dengan pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Perak dan Koridor Utara Malaysia (NCIA) khususnya berkaitan dengan pembangunan Perak Hi Tech Industrial Park (PHTIP) dan Wilayah Perak Selatan (WPS) sebagai projek pemangkin ekonomi Negeri Perak dan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER). Kerjasama pintar ini akan diperluaskan lagi seiring dengan inisiatif perindustrian yang sedang dirancang di dalam Negeri Perak.



Pembangunan Semula Pekan Kecil

Kumpulan PKNP beriltizam untuk meneruskan pembangunan semula pekan-pekan kecil di seluruh Negeri Perak yang bakal merangsang ekonomi penduduk setempat dengan tujuan menyeimbangkan pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar.

Pada tahun 2017, PKNP telah berjaya menyiapkan serta memperolehi Sijil Penyiapan & Pematuhan (CCC) untuk lima (5) buah pekan kecil di Simpang Lima, Lawin, Slim Village, Temoh dan Bagan Datuk. Ini menjadikan jumlah pekan kecil yang telah berjaya disiapkan oleh PKNP sebanyak 12 buah sehingga kini. PKNP berhasrat untuk meneruskan pembinaan tiga (3) buah lagi pekan kecil di Changkat Jong, Bandariang dan Bukit Gantang serta mensasarkan ketiga-tiga pekan kecil tersebut untuk disiapkan pada tahun 2018. Selain itu, tujuh (7) lagi pekan kecil di dalam peringkat kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan untuk memulakan proses pembinaan.

Kumpulan PKNP akan terus membangunkan beberapa buah lagi pekan kecil dengan menjalankan kajian kebolehpasaran dan kebolehlaksanaan di tapak-tapak tersebut bagi memastikan ia berpotensi untuk dimajukan.



Pembangunan Perumahan Mampu Milik



Bertitik-tolak daripada gagasan Perak Amanjaya, Kerajaan Negeri Perak telah memberi mandat kepada Kumpulan PKNP untuk membina 10,000 unit rumah mampu milik bagi membolehkan rakyat Negeri Perak mendapat akses untuk memiliki rumah sendiri dengan harga mampu milik.

Sehubungan dengan itu, sehingga tahun 2017 Kumpulan PKNP telah melancarkan sebanyak 2,480 unit rumah mampu milik yang terletak di Bandar Meru Raya dan sekitar Daerah Kinta. PKNP mensasarkan untuk melancarkan 2,346 lagi unit pada tahun 2018 melalui kerjasama strategik bersama pemaju Bumiputera yang berkelayakan. Terdapat pemaju yang memperoleh pengiktirafan contohnya D'Aman Residence Sdn Bhd (pemaju projek D'Aman Residensi) yang dianugerahkan sebagai Pemaju Perumahan Mampu Milik Terbaik Malaysia 2017 daripada Property Insight pada bulan Mei 2017.



Pekan Kecil Bagan Datuk



Pembangunan Usahawan Dan Sosio Ekonomi

Pusat Pembangunan Usahawan (PPU) terus komited menjalankan kerjasama dengan pelbagai jabatan dan agensi keusahawanan bagi membuka peluang dan membantu para pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dalam memasarkan produk-produk mereka di peringkat negeri, nasional dan antarabangsa.

Pembangunan semula Kompleks Silveritage Galleria yang telah siap dan beroperasi pada 2017 disasarkan sebagai hab usahawan seluruh Negeri Perak yang dibantu dengan pelbagai program di bawah seliaan Pusat Pembangunan Usahawan (PPU) PKNP serta kerjasama strategik dengan jabatan/agensi kerajaan lain. Para usahawan Bumiputera juga mempunyai platform yang lebih kukuh bagi meluaskan lagi perniagaan dan memasarkan produk mereka secara komersial.



Penghargaan

Saya bagi pihak Lembaga Pengarah PKNP ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Lembaga Pengarah PKNP, ahli-ahli Lembaga Pengarah Anak Syarikat PKNP yang memberikan komitmen terbaik dalam memastikan kejayaan PKNP terutamanya dalam menyambut ulang tahun ke-50 PKNP, pihak pengurusan dan seluruh warga kerja PKNP yang berdedikasi tinggi dan mendokong teguh usaha-usaha memacu ekonomi Negeri Perak ke satu tahap yang lebih tinggi.

Penghargaan ini juga turut ditujukan kepada Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, jabatan, agensi swasta dan NGO-NGO yang terlibat memberi sokongan dan kerjasama terbaik kepada PKNP dalam mengekalkan posisi PKNP sebagai agensi utama negeri yang berjaya.

Didoakan agar segala usaha dan dedikasi yang telah dicurahkan serta kerjasama daripada semua pihak terus berkekalan dan dimantapkan lagi supaya pembangunan ekonomi, sosial dan kebajikan untuk PKNP dan Negeri Perak mampu diteruskan lagi demi masa depan dan kesejahteraan Negeri Perak serta rakyatnya.

Sekian, terima kasih.

DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY BIN ABD KADIR
S.P.S.A., S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P., P.A.T., A.M.S
Menteri Besar Perak Darul Ridzuan
Pengerusi Perbadanan Kemajuan Negeri Perak



Pekan Kecil Manong

> LAPORAN AKTIVITI PENGURUSAN DAN PRESTASI KUMPULAN PKNP BAGI TAHUN 2017

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Syukur Alhamdulillah dan saya bagi pihak keseluruhan pengurusan dan warga kerja Kumpulan PKNP amat berbesar hati menyampaikan Laporan Aktiviti Pengurusan dan Prestasi Kewangan Kumpulan bagi tahun 2017.

1.0 Kemajuan Halatuju Korporat Sehingga Tahun 2017

Pada tahun 2017, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) menyambut ulang tahun penubuhannya yang ke-50. Semenjak ditubuhkan melalui Enakmen Bil. 3/1967 pada tahun 1967, PKNP terus melangkah dan berkembang sebagai sebuah agensi kemajuan negeri yang dinamik dan berdaya maju.

Tahun 2017 adalah tahun keempat di mana PKNP melaksanakan agenda-agenda melalui Program Transformasi Kumpulan sejak pelancarannya pada tahun 2014.

Pelan Strategik PKNP merangkumi 3 komponen yang membantu dalam mencapai misi dan visi PKNP iaitu :-

- Memperkukuhkan Organisasi
- Pengukuhan Struktur Perniagaan
- Memenuhi Agenda Sosio-Ekonomi

1.1 Memperkukuhkan Organisasi

PKNP telah bergerak sebagai satu kumpulan di dalam struktur operasi yang lebih bersepadu dan telus. Program 'Cultural Transformation Programme' (CTP) – "Moh Kite - Change The Landscape" yang membudayakan integriti dan penerapan nilai-nilai korporat Kumpulan PKNP iaitu **Think Big, Entrepreneurship, Stakeholder Success, Outcome Oriented** dan **Risk Taking** diteruskan pada tahun 2017 dan di antara aktiviti yang dilaksanakan bagi memperkasakan CTP adalah *Morning Briefing*.

Program-program pendedahan dan kefahaman integriti yang diadakan untuk warga kerja kumpulan juga diteruskan pada tahun 2017. Ini selaras dengan usaha agar warga kerja



Y. BHG. DATO' AMINUDDIN BIN MD. DESA
Ketua Eksekutif
Perbadanan Kemajuan Negeri Perak

mempunyai nilai moral dan etika tinggi berasaskan nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, sejajar dengan aspirasi program CTP tersebut.

Dalam usaha meningkatkan lagi kadar kompetensi warga kerja kumpulan, PKNP telah melaksanakan *Individual Development Plan* (IDP) yang menggunakan *Competency Based Assessment* (CBA) sebagai kayu pengukur bersandarkan kepada sifat-sifat Nabi Muhammad Sallahu Alaihi Wassalam seperti Siddiq, Amanah, Tabligh dan Fatanah. Kompetensi warga kerja diukur pada sifat teras dan juga sifat kepimpinan. Berdasarkan pemarkahan yang dicapai, satu pelan pembangunan warga kerja akan dirumus serta dilaksanakan melalui latihan atau penugasan kerja-kerja yang dapat membantu menaikkan tahap kompetensi warga kerja.

1.2 Pengukuhan Struktur Perniagaan

Seiring dengan Pelan Transformasi Kumpulan, PKNP menyelaraskan aktiviti komersialnya kepada 3 aktiviti teras iaitu sektor Pembangunan Hartanah, Pelabuhan dan Logistik serta Hospitaliti dan Pelancongan.

1.2.1 Pembangunan Hartanah



Pada tahun 2017, PKNP terus komited dalam merencana dan menerajui pembangunan bandar-bandar baru di Negeri Perak. Usaha ini dapat dilihat melalui pembangunan berterusan Bandar Meru Raya (BMR) dengan pusat tarikan pelancong seperti Bulatan Amanjaya dan Restoran Rumah Tradisional Melayu (RRTM) yang telah siap dan beroperasi serta beberapa projek perumahan mampu milik seperti Casa Kayangan@Meru dan D'Aman Residensi yang kini di dalam fasa akhir pembinaannya.

1.2.2 Pelabuhan dan Logistik

Industri pelabuhan dan logistik juga merupakan sebagai salah satu tunjang perniagaan utama Kumpulan PKNP. Tumpuan dalam sektor ini termasuklah operasi pelabuhan sedia ada dan pelaksanaan pelan perniagaan strategik 10 tahun (2016-2026) yang dirangka oleh Lumut Maritime Terminal Sdn Bhd (LMTSB), pengendali Pelabuhan Lumut (LMT) dan Lekir Bulk Terminal (LBT).

LMT telah berjaya menjadi pemangkin kepada ekonomi penduduk setempat khususnya penyediaan peluang pekerjaan dan perniagaan dengan kewujudannya sejak dibuka pada tahun 1995.

LMTSB, syarikat milik PKNP yang menguruskan LMT juga turut mengurus dan mengendalikan Lekir Bulk Terminal (LBT) bagi pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB), terminal khusus untuk mengendalikan penghantaran arang batu bagi



Perancangan Pembangunan di Wilayah Perak Selatan

PKNP juga telah mula merangka gerak kerja bagi pembangunan di bahagian selatan Negeri Perak. Pembangunan Wilayah Perak Selatan (WPS) berkeluasan 1 juta ekar dan mempunyai empat (4) nod pembangunan yang telah diiktiraf sebagai salah satu projek mega oleh Kerajaan Persekutuan serta diberikan perhatian khusus di dalam pembentangan Bajet 2018 oleh YAB Perdana Menteri Malaysia. Divisyen Pembangunan Wilayah Perak Selatan, sebuah divisyen di dalam PKNP telah dipertanggungjawabkan bagi merancang dan memantau pelaksanaan pembangunan di kawasan WPS dan memastikan 14 projek pemangkin ekonomi yang bakal dilaksanakan dapat memberi manfaat kepada kawasan yang terlibat.

Stesen Janakuasa Sultan Azlan Shah di Seri Manjung, Perak.

Stesen janakuasa ini membekalkan sebanyak 30% daripada kapasiti penjanaan Semenanjung Malaysia yang menjadikan Negeri Perak sebagai negeri penjana elektrik terbesar di Malaysia.

LMTSB juga telah merancang satu pelan komprehensif pembangunan LMT2 yang terletak di Batu Undan, Lumut. Selain itu, pembangunan *Freight Village* dan *Inland Container Depot* juga dalam perancangan dan pembangunan ini bakal dibangunkan selaras dengan perancangan rangkaian logistik bersepadu yang lebih komprehensif.

1.2.3 Pelancongan dan Hospitaliti



Pelancongan dan Hospitaliti juga merupakan salah satu sektor perniagaan teras PKNP. Antara tumpuan utama sektor ini antaranya adalah untuk membangunkan jenama "Casuarina" selaras dalam meningkatkan kemudahan perhotelan di Negeri Perak serta membolehkan PKNP meningkatkan pelaburan dalam industri tersebut.

PKNP aktif mengendalikan beberapa hotel dan rumah rehat umpamanya Hotel Casuarina @ Meru, Lanai Casuarina @ Cempaka Sari dan Casuarina Boathouse @ Temenggor 1. PKNP juga diberi kepercayaan oleh Kerajaan Negeri Perak bagi menguruskan beberapa rumah rehat seperti Rumah Rehat Kerajaan Negeri, Pangkor dan juga Pasir Salak Eco Resort.

PKNP mengorak langkah dengan menceburi bidang *Food & Beverages* (F&B) melalui rangkaian Labu Sayong Café dengan pembukaan Labu Sayong Café @ Silveritage dan Labu Sayong Signature @ Meru. Jenama Labu Sayong Café ini akan difrancisakan dan PKNP menasaskan sebanyak lapan (8) lagi cawangan akan dibuka di seluruh Negeri Perak dalam tempoh tiga (3) tahun.

Tarikan lain yang bakal menyusul di BMR adalah Taman Tema Air, *Jungle Adventure Park*, *Service Apartments* dan hotel bertaraf 5 bintang bagi memenuhi keperluan penginapan yang dijangka meningkat selaras dengan kemudahan pelancongan yang akan dibangunkan. Projek-projek ini masih lagi dalam peringkat perancangan dan dijangka mula dijalankan dalam tahun 2018.

1.2.4 Perniagaan Strategik

PKNP turut menumpukan kepada potensi tenaga hijau dan bersih di Negeri Perak. Industri Tenaga Boleh Diperbaharui (*Renewable Energy*) bukan sahaja membantu dalam mengurangkan kebergantungan terhadap penggunaan minyak berasaskan fosil malah dapat mengurangkan masalah pencemaran udara.

Lantaran itu, stesen janakuasa solar di bawah PKNP melalui Maju Perak Energy Resources Sdn Bhd (MERSB) yang terletak di Keramat Pulau, Simpang Pulau, Perak telah memulakan operasi sejak tahun 2015.

Stesen janakuasa ini telah dapat menjana tenaga sekitar 1.9 MW setahun dengan purata pendapatan sebanyak RM2 juta setahun. Selain dapat memberi sumbangan kepada pemeliharaan alam sekitar, ia juga dapat memberi sumbangan pendapatan yang mampan kepada PKNP.

Pusat Konvensyen Amanjaya di bawah rangkaian penjenamaan "Casuarina"

Selain itu, PKNP melalui Bandar Meru Raya (BMR) berhasrat untuk membangunkan kawasan tersebut sebagai sebuah hab hospitaliti dan pelancongan yang bersepadu dengan pembangunan beberapa pusat tarikan pelancong seperti Restoran Rumah Tradisional Melayu (RRTM), Bulatan Amanjaya dan *Movie Animation Park Studios* (MAPS) yang telah siap dan mula beroperasi pada tahun 2017. Pembangunan projek-projek ini telah mengubah landskap BMR menjadi lebih meriah dengan kehadiran pengunjung tempatan dan antarabangsa.

Dalam pada itu, Bulatan Amanjaya yang menjadi kawasan hijau di tengah-tengah BMR turut diiktiraf di peringkat kebangsaan apabila memenangi anugerah *Best Outdoor Public Space* bagi tahun 2017 daripada *Malaysian Institute Of Planners* pada November 2017.



Modul Solar Photovoltaic di Keramat Pulau

1.3 Memenuhi Agenda Sosioekonomi

Agenda Sosioekonomi PKNP bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup terutamanya masyarakat Bumiputera di Negeri Perak. Ini adalah seiring dengan aspirasi Kerajaan Negeri menerusi Gagasan Perak Amanjaya dengan moto 'Tiada Tertinggal, Tiada Terpinggir'. Sehubungan dengan itu, PKNP dengan mandat daripada Kerajaan Negeri Perak bertindak sebagai jentera pelaksana bagi beberapa inisiatif seperti pembangunan pekan kecil, pembangunan rumah mampu milik serta pembangunan usahawan Bumiputera.

PKNP pada tahun 2017 terus komited melancarkan beberapa buah lagi pekan kecil dan projek perumahan mampu milik di Negeri Perak serta meneruskan usaha melahirkan para usahawan berpotensi.

1.3.1 Pembangunan Perumahan Mampu Milik

Pada tahun 2017, penambahan sebanyak 392 unit rumah mampu milik telahpun dilancarkan iaitu 240 unit di D'Aman Residensi dan Zon 7 Bandar Meru Raya serta 152 unit di Alor Pongsu menjadikan jumlah keseluruhan rumah mampu milik yang telah dilancarkan daripada tahun 2015 oleh PKNP sebanyak 2,480 unit.

PKNP mensasarkan untuk melancarkan 2,346 lagi unit pada tahun 2018 bagi membolehkan lebih ramai penduduk Negeri Perak berkemampuan untuk memiliki kediaman sendiri. D'Aman Residences Sdn Bhd, pemaju bagi projek D'Aman Residensi baru-baru ini telah memenangi anugerah Pemaju Perumahan Mampu Milik Terbaik Malaysia 2017 daripada Property Insight pada bulan Mei 2017.

1.3.2 Pembangunan Pekan-Pekan Kecil

Selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Perak, pekan-pekan kecil dibangunkan bagi menjadi pusat aktiviti ekonomi untuk meningkatkan pendapatan golongan Bumiputera. Sehingga tahun 2017, sebanyak 12 projek Pembangunan Pekan-Pekan Kecil di Trong, Ijok, Sauk, Kubu Gajah, Manong, Lawin, Simpang Lima, Gunung Semanggol, Lekir, Temoh, Slim River dan Bagan Datuk telah disiapkan dan beroperasi. Selain Pekan Kecil Trong dan Ijok, pekan-pekan kecil ini dikenali dengan nama Dataran Amanjaya yang mempunyai komponen-komponen seperti gerai desa, kedai desa dan dataran sebagai pemangkin kepada aktiviti ekonomi penduduk setempat.



Dataran Amanjaya Kubu Gajah



Dataran Amanjaya Gunung Semanggol



Dataran Amanjaya Lekir

1.3.3 Pembangunan Usahawan



Bagi memperkukuh lagi kekuatan dalam bidang keusahawanan Bumiputera, pelbagai inisiatif telah diperkenalkan oleh PKNP melalui beberapa program usahasama dan pembangunan usahawan. Pada tahun 2017, PKNP meneruskan Skim Rakan Niaga Strategik kepada syarikat-syarikat yang berpotensi dan berdaya maju.

Kompleks Silveritage, Medan Gopeng, Ipoh yang dibangunkan semula telah menjadi hab buat para usahawan dan peniaga Bumiputera memasarkan barangan keluaran mereka serta

menjadi pusat tarikan pelancong terbaru di Negeri Perak. Seramai 94 orang usahawan telah menjalankan operasi perniagaan di premis tersebut yang terdiri daripada lot Restoran, Bazar, Kedai Buah, Medan Selera dan Kedai yang menyajikan pelbagai masakan dan minuman, hasil kraftangan, barang keluaran industri desa dan produk makanan Negeri Perak.

Para usahawan Bumiputera yang berpotensi dan berkelayakan diberikan peluang bagi melaksanakan projek-projek PKNP seperti pembangunan pekan kecil, pembinaan rumah mampu milik dan hotel milik PKNP.

PKNP juga menyediakan ruang niaga berupa gerai dan kedai desa di Pekan Kecil Dataran Amanjaya Temoh, Manong, Simpang Lima, Kubu Gajah, Lekir, Sauk dan Slim Village untuk membantu usahawan-usahawan yang berada di luar bandar untuk berniaga.

2.0 Senario Ekonomi Dan Persekitaran Perniagaan



Tahun 2017 menyaksikan pertumbuhan ekonomi yang lebih memberangsangkan. Kemajuan dalam ekonomi global dan dalam negeri jauh melebihi jangkaan awal dengan pertumbuhan yang menyeluruh, kukuh dan terselaras. Prestasi ini mampu dicapai meskipun terdapat ketidakpastian politik antarabangsa dan dasar yang terus membelenggu ekonomi utama, ancaman daripada perkembangan geopolitik serantau dan ketidaktentuan dalam pasaran kewangan. Ekonomi global mencatat pertumbuhan tertinggi sejak tahun 2011, disokong oleh aktiviti pelaburan yang lebih giat dalam kebanyakan ekonomi dan prestasi eksport yang berkembang pesat. (Sumber: Bank Negara Malaysia)

Sejajar dengan perkembangan global, ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan sebanyak 5.9% pada tahun 2017 berbanding 4.2% pada tahun lalu. Pengembangan ekonomi ini disokong oleh pengembangan yang lebih pesat dalam perbelanjaan sektor swasta dan awam. Pertumbuhan penggunaan swasta berkembang lebih rancak pada kadar 7.0% manakala pertumbuhan penggunaan awam berkembang sebanyak 5.4%. (Sumber: Bank Negara Malaysia)

Walau bagaimanapun, pada tahun 2017 inflasi keseluruhan meningkat kepada 3.7% berbanding 2.1% pada tahun 2016. Inflasi masih mengalami volatiliti dan didorong terutamanya oleh harga bahan api dalam negeri yang lebih tinggi. Harga komoditi global yang meningkat dan gangguan bekalan makanan dalam negeri juga menyumbang kepada inflasi yang lebih tinggi. Walaupun begitu, tekanan inflasi ini dikurangkan oleh kadar pertukaran ringgit mengukuh sejak bulan April 2017 yang membantu mengawal peningkatan dalam kos pengeluaran bagi barangan dalam negeri. (Sumber: Bank Negara Malaysia)

Sungguhpun begitu, sepanjang tahun 2017 Negeri Perak terus mendapat keyakinan para pelabur. Sehingga Disember 2017, pelaburan di Negeri Perak yang diluluskan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) berjumlah RM2 bilion yang terdiri daripada RM333.9 juta pelaburan asing dan RM1.673 bilion pelaburan tempatan. Pelaburan yang diluluskan ini melibatkan sebanyak 45 projek dan mewujudkan kira-kira 5,460 peluang pekerjaan. (Sumber: InvestPerak)



Lot Peniaga Bumiputera di Dataran Amanjaya Sauk



Lot Peniaga Bumiputera di Dataran Amanjaya Sauk

Dalam merangka perancangan bagi 2017, PKNP juga sentiasa berwaspada dengan tekanan terhadap persekitaran semasa terutamanya kadar inflasi yang meningkat pada tahun 2017. Ini ditambah pula dengan sentimen pasaran hartanah yang agak lemah disebabkan beberapa faktor di antaranya kerana kekangan dasar pinjaman bank yang lebih ketat.

Sungguhpun demikian, PKNP tetap optimis dalam mengambil inisiatif untuk membangunkan dan merencanakan lagi kegiatan ekonomi di Negeri Perak. Pada tahun 2017, sebuah taman tema animasi berkelas dunia iaitu *Movie Animation Park Studios* (MAPS) telah memulakan pra-operasinya pada 26 Jun 2017 di Bandar Meru Raya (BMR). Selain itu, Kumpulan PKNP juga telah membangunkan tiga (3) buah Restoran Rumah Tradisional Melayu (RRTM) yang terletak berhadapan taman rekreasi Bulatan Amanjaya. Projek pembangunan pekan kecil dan perumahan mampu milik juga diteruskan yang menyaksikan penambahan sebanyak lima (5) buah pekan kecil yang berjaya disiapkan dan 392 unit rumah telah dilancarkan sepanjang tahun 2017.



Restoran Rumah Tradisional Melayu

3.0 Aktiviti Korporat


Dalam menyusun perancangan projek dan aktiviti dengan lebih teliti dan berkesan, PKNP mengambil langkah untuk fokus dan proaktif sejajar dengan Pelan Hala Tuju Strategik PKNP 2014–2018.

Justeru, PKNP telah merealisasikan aktiviti – aktiviti korporat seperti berikut pada tahun 2017.

3.1 Penstrukturan Semula Aset Syarikat di bawah Perak E-Organization Sdn Bhd (PEO)

PEO adalah anak syarikat milik PKNP dan antara aktiviti utamanya ialah sewaan premis pejabat. Pendapatan utama syarikat tersebut adalah melalui sewaan ruang pejabat di bangunan *Perak Techno Trade Centre* (PTTC).

Bagi mengukuhkan kedudukan kewangan PEO, satu penstrukturan semula aset syarikat tersebut telah berlaku pada 1 Januari 2017 yang menyaksikan penambahan dua lagi aset iaitu bangunan Asrama Murni daripada Perak Industrial Resources Sdn Bhd (PIRSB) dan bangunan Megopleks milik PKNP dipindah milik kepada PEO. Ini menyaksikan terbitan syer PKNP ke dalam PEO bertambah sebagai timbal balas bagi penambahan aset-aset tersebut.



Pengstruktur semula aset syarikat di bawah PEO

3.2 Perak Teamwork Sdn Bhd (PTSB)

Perak Teamwork Sdn Bhd (PTSB) telah ditubuhkan pada 21 November 1990. PTSB merupakan syarikat yang telah ditetapkan untuk menerajui pembangunan tanah perindustrian PKNP. Pemegang saham terbesar di dalam PTSB sebanyak 60% adalah Perak Industrial Resources Sdn Bhd (PIRSB), iaitu anak syarikat milik penuh PKNP.

Struktur pemegangan saham PTSB adalah seperti di bawah :-



Struktur Pegangan Saham PTSB

Pada 28 Julai 2017, PIRSB telah meningkatkan kepentingan ekuiti sebanyak 40% dalam PTSB bersamaan dengan RM4.5 sesaham bersamaan nilai tunai sebanyak RM630,000. Melalui pengambilalihan itu, PIRSB meningkatkan pegangan sahamnya dalam PTSB daripada 60% kepada 100% dan secara tidak langsung menjadikan PTSB anak syarikat sepenuhnya kepada PIRSB.

Aset utama PTSB adalah 61.6 ekar tanah perindustrian yang terletak di Bemban, Perak.



Aset Utama PTSB Di Bemban

3.2 Majlis Pembukaan Movie Animation Park Studios (MAPS)



Sekitar Hari Pembukaan Movie Animation Park Studios di Bandar Meru Raya, Ipoh

Pada 26 Jun 2017, Movie Animation Park Studios (MAPS) yang merupakan taman tema animasi pertama di Asia telah dibuka kepada orang ramai dan memulakan pra-operasinya di Bandar Meru Raya (BMR) Ipoh, Perak. Setakat Disember 2017, jumlah kehadiran pelawat telah mencecah lebih kurang 160,000 pengunjung sejak ia mula beroperasi.



Projek ini telah bermula pada tahun 2014 dengan kos projek keseluruhan sebanyak RM695 juta. Pembukaan MAPS bakal menyumbangkan pendapatan yang mampan kepada PKNP dan pada masa yang sama menyemarakkan lagi industri pelancongan di Negeri Perak.

4.0 Program-Program Bagi Menyokong Pertumbuhan Ekonomi Negeri

4.1 Pembangunan Hartanah

4.1.1 Bandar Meru Raya

Pada tahun 2017, PKNP meneruskan usahanya dalam memajukan Bandar Meru Raya (BMR) sebagai sebuah bandar metropolis satelit Ipoh yang direka sebagai destinasi yang komprehensif dan bersepadu di dalam pekerjaan, kehidupan, beriadah dan pembelajaran.

Dengan berkeluasan melebihi 3,000 ekar, BMR mempunyai komponen ekosistem yang merangkumi pelbagai kemudahan seperti presint kerajaan, pusat tarikan pelancong dan kemudahan awam. Antara pejabat kerajaan yang telah beroperasi di BMR termasuklah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Imigresen, Jabatan Perhutanan, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan dan Jabatan Audit Negara.

Perancangan juga sedang dilakukan untuk memindahkan jabatan/agensi kerajaan yang lain antaranya Jabatan Arkib Negara

dalam proses pembinaan dan cadangan pembangunan Ibu Pejabat Kontinjen Polis Diraja Malaysia Perak dan Ibu Pejabat Daerah Polis Diraja Malaysia (PDRM) Ipoh Barat di BMR seluas 35 ekar. Dengan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) dianggarkan sebanyak RM380 juta, projek ini dijangka akan bermula di suku keempat 2018.

BMR sudahpun mempunyai beberapa tempat tarikan pelancong seperti taman tema animasi pertama di Asia iaitu *Movie Animation Park Studios* (MAPS) yang telah memulakan pra-operasinya pada 26 Jun 2017. Selain itu, terdapat juga tiga (3) buah Restoran Rumah Tradisional Melayu (RRTM) yang terletak berhadapan dengan taman rekreasi Bulatan Amanjaya.

Beberapa lagi pembangunan sedang direncanakan di sekitar BMR antaranya sebuah taman tema air berhampiran Bulatan Amanjaya dan *Jungle Adventure Park* yang terletak di kawasan Kledang Saiong. Jumlah pelaburan adalah dianggarkan sebanyak RM500 juta bagi kedua-dua projek ini.

Selain itu, projek pembangunan dan pengindahan rizab sepanjang Sungai Sah di BMR sedang dilaksanakan oleh PKNP sejajar dengan dasar Kerajaan Negeri untuk menaik taraf prasarana sungai dan memulihara alam sekitar. Sungai Sah mempunyai panjang keseluruhan lebih kurang 8.5km dengan keluasan kawasan tadahan kira-kira 1,274 hektar. Kos pembangunan yang dicadangkan ini dianggarkan sebanyak RM7.6 juta.

Projek ini disasarkan untuk meningkatkan kualiti air dan meningkatkan aras kedalaman sungai bagi tujuan rekreasi serta sumber air selain mengindahkan kawasan landskap di sepanjang 1.5km rizab Sungai Sah.

Movie Animation Park Studios di Bandar Meru Raya



Gambaran cadangan pembangunan dan pengindahan sepanjang rizab Sungai Sah, Bandar Meru Raya



Restoran Rumah Tradisional Melayu (RRTM) di Bandar Meru Raya



4.1.2 Pembangunan Wilayah Perak Selatan (WPS)

Rancangan Pembangunan Wilayah Perak Selatan (WPS) adalah merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Perak bertujuan merencanakan pertumbuhan ekonomi melalui rantai baharu serta merangsang pembangunan sosioekonomi secara holistik dan lestari. Sejak tahun 2016, WPS telah diiktiraf sebagai nod pertumbuhan baru di bawah Koridor Utara (NCER) yang mendapat sokongan penuh Kerajaan Persekutuan di samping terus disokong penuh oleh Kerajaan Negeri Perak. Projek ini telah diberi perhatian khusus di dalam Bajet 2018 yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 27 Oktober 2017 apabila sejumlah RM1 bilion telah diperuntukkan untuk pembangunan WPS serta lima (5) lagi koridor ekonomi yang lain.

Sebagai agensi pelaksana untuk Rancangan Pembangunan WPS, PKNP bertanggungjawab memastikan agenda pembangunan ekonomi bagi Negeri Perak melalui Rancangan Pembangunan WPS dapat dilaksanakan sebagaimana dirancang dalam mencapai matlamat merangsang pertumbuhan ekonomi seterusnya meningkatkan taraf kehidupan serta pendapatan rakyat negeri ini.

Rancangan Pembangunan WPS terbahagi kepada empat (4) nod atau fokus utama iaitu Nod 1 (Bagan Datuk), Nod 2 (Tanjung Malim), Nod 3 (Tapah) dan Nod 4 (Teluk Intan).


Nod 1 - Bagan Datuk

Pembangunan di daerah Bagan Datuk memberikan tumpuan kepada industri berat dan logistik. Rancangan pembangunan *Bagan Datuk Water City* (BDWC) dan *Perak Heavy Industrial Park* (PHIP) merupakan dua komponen pembangunan utama di Bagan Datuk yang bakal menjadi pemangkin utama pembangunan Wilayah Perak Selatan keseluruhannya dengan unjuran pelaburan yang besar dalam jangka masa 10-20 tahun.

- **BDWC** : Perbandaran baru dengan keluasan tanah sehingga 4,100 ekar bakal dirancang dengan rapi merangkumi kompleks pentadbiran kerajaan, keperluan pelancongan dan komersial serta kemudahan rekreasi bertaraf dunia.

Justeru itu, perbandaran baru ini dijangka bakal menyediakan sehingga 30,000 peluang pekerjaan baru bagi menampung pertumbuhan penduduk yang dijangka akan mencecah sehingga 80,000 orang.

Bagi Fasa 1, pembangunan kompleks pentadbiran kerajaan dengan keluasan pembangunan seluas 327 ekar bakal dilaksanakan bermula tahun 2018 dengan melibatkan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM100 juta.





Lakaran Kawasan Perancangan
Pembangunan BDWC di Bagan Datuk

- **PHIP** : PHIP yang melibatkan tebus guna tanah seluas 3,400 ekar bakal dibangunkan sebagai taman industri berat beserta infrastruktur-infrastruktur sokongan seperti jeti atau terminal serta stesen janakuasa. Pembangunan PHIP bakal menarik pelaburan asing yang berskala besar dianggarkan melebihi RM20 bilion dalam masa 10-20 tahun.

Pembangunan PHIP dan BDWC yang dirancang di Bagan Datuk mampu menarik pelaburan berskala besar yang dapat menggalakkan pertumbuhan ekonomi setempat serta turut menyumbang kepada peningkatan atau penambahbaikan infrastruktur di daerah ini.

Nod 2 – Tanjung Malim

Pembangunan Projek *Next Generation Vehicle 2025 (NXGV25)*

Sektor automatik kenderaan masa hadapan atau *Next Generation Vehicle (NXGV)* yang memberi penumpang kepada *Connected Autonomous Vehicle (CAV)* telah dikenalpasti sebagai sektor yang berpotensi besar untuk dibangunkan.

Sehubungan dengan ini, Kajian Pra-Pelaksanaan untuk Projek *Next Generation Vehicle 2025 (NXGV25)* telah dijalankan sejak bulan Mac 2017 bertujuan untuk mengenal pasti pendekatan yang terbaik dalam melakar pelan pelaksanaan bagi menjadikan Tanjung Malim sebagai hab di Asia Tenggara dalam teknologi *Connected Autonomous Vehicle (CAV)* menjelang tahun 2025. Kajian ini telah dimuktamadkan pada Ogos 2017.

Gambaran Pelaksanaan Projek
(NXGV25) Di Tanjung Malim



Nod 3 – Tapah

• Tapah EduCity

Di bawah pelan pembangunan WPS, Tapah bakal dibangunkan sebagai pusat pendidikan bersepadu *EduCity* yang memberi fokus kepada pendidikan teknikal dan vokasional dengan mengambil kira keperluan industri masa hadapan seiring dengan pembangunan di WPS, Negeri Perak serta negara secara amnya. Kajian Pra-Pelaksanaan bagi tujuan ini telah dijalankan pada bulan September 2017.



Tapah EduCity
Pemandangan Dari Tapah Road

Nod 4 – Teluk Intan

• Industri Berasaskan Tani

Pelan bagi membangunkan industri berasaskan tani di Nod 4 (Teluk Intan) adalah selaras dengan prinsip keterangkuman (*inclusiveness*) yang turut mampu menggalakkan penglibatan masyarakat tempatan khususnya golongan B40.

Pembangunan yang dirancang ini lebih menumpukan kepada memperkenalkan teknologi moden serta kaedah-kaedah baru dalam bidang industri asas tani yang dapat menaik taraf serta meningkatkan hasil pengeluaran pertanian sedia ada. Teknologi moden dan terkini bakal digunapakai bagi menggalakkan inovasi produk serta produk sampingan pertanian yang baru.



Gambaran Industri Asas Tani di Tapah



Perak Hi-Tech Industrial Park (PHTIP)

4.1.3 Perak Hi-Tech Industrial Park (PHTIP)

Projek pembangunan PHTIP telah disenaraikan sebagai salah satu strategi komersial di dalam Program Transformasi Kumpulan bagi pembangunan estet industri.

PKNP telah memeterai perjanjian usahasama dengan sebuah syarikat pemaju tempatan, Everland Property Sdn Bhd bagi mengusahakan Pembangunan Bercampur PHTIP Fasa 1. Pembangunan bercampur ini melibatkan keluasan sebanyak 543.46 ekar yang terdiri daripada beberapa komponen.

Di antara komponen tersebut adalah kawasan industri seluas 417.64 ekar yang boleh menempatkan pelbagai jenis industri dan 125.82 ekar skim perumahan.

Pembangunan bercampur secara usahasama ini akan menjadi pemangkin ekonomi di mana PHTIP sebagai sebuah kawasan *greenfield* yang bakal menjadi perangsang dan membolehkan pertumbuhan pembangunan di kawasan sekitar PHTIP khususnya dan di sekitar Ipoh amnya.

4.1.4 Pembangunan Estet Perindustrian

Program Transformasi Kumpulan PKNP juga memberi tumpuan kepada pembangunan estet perindustrian sedia ada untuk memperkukuhkan sektor industri Negeri Perak.

Ia merangkumi empat (4) strategi perniagaan iaitu Industri Umum, *High Tech Park*, *Aerospace Industrial Park* dan *Halal Hub Industrial Park*. Strategi industri umum, merangkumi enam (6) estet perindustrian sedia ada, dua (2) pembesaran estet industri dan tiga (3) estet perindustrian baru.

SEDIA ADA	ESTET PERINDUSTRIAN	STATUS
1	Kanthan	Dijual sepenuhnya
2	Klebang	Dijual sepenuhnya
3	Pengkalan V	Dijual sepenuhnya
4	Kamunting Raya	Dalam pelaksanaan
5	Bemban	Dalam pelaksanaan
6	Bandariang	Dalam pelaksanaan
PEMBESARAN	ESTET PERINDUSTRIAN	STATUS
1	Lumut Port Industrial Park	Dijual sepenuhnya
2	Greater Kamunting	Dalam pelaksanaan (Jawatankuasa Kerja Greater Kamunting Conurbation Blueprint, NCIA)
BARU	ESTET PERINDUSTRIAN	STATUS
1	Air Putih, Kamunting	Dalam pelaksanaan
2	Bukit Pagar, Tapah	Dalam pelaksanaan
3	Chenderiang	Dalam pelaksanaan

PKNP mengambil inisiatif terhadap pemulihan ekonomi global pada tahun 2017 dengan menggunakan peluang ini bagi menarik prospek pelaburan baru ke Negeri Perak dengan merangka beberapa pendekatan baru dan menambah baik pendekatan dan strategi sedia ada.

PKNP masih meneruskan pendekatan *direct engagement* dengan peneraju industri seperti *EU-Malaysia Chamber of Commerce*

& Industry, Federation of Malaysian Manufacturers (Perak) serta jabatan/agensi kerajaan yang berkepentingan seperti NCIA, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), UPEN Perak, Kementerian Kewangan dan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia. Selain daripada itu, PKNP juga menggunakan pendekatan *targeted approach* di mana semua prospek syarikat pengeluaran dipadankan dengan sumber-sumber bahan mentah sedia ada di Negeri Perak bagi membolehkan Negeri Perak menerima impak positif yang maksima daripada pelaburan-pelaburan ini. Sebelum ini syarikat tersebut hanya mengeksport sumber bahan mentah ke negara asal mereka. Dengan pendekatan baru ini, syarikat tersebut diberi peluang bagi memproses sumber bahan mentah di sini. Ini mampu mewujudkan peluang pekerjaan bagi penduduk setempat dan pertumbuhan ekonomi di Negeri Perak.

Kawasan Perindustrian Bemban Fasa 2 merupakan kawasan yang sedang giat dibangunkan oleh PKNP. Kawasan industri ini terletak berdekatan Lebuhraya Ipoh - Lumut dengan jarak kira-kira 20 kilometer dari Bandar Ipoh, Plaza Tol Ipoh Utara (PLUS) dan Plaza Tol Simpang Pulai (PLUS) dan juga kira-kira 60 kilometer dari Pelabuhan Lumut. Di antara syarikat yang kini berada di Kawasan Bemban Fasa 2 merupakan sebuah syarikat pengeluar dan pemproses *Construction Chemical*. PKNP mengambil pendekatan baru dalam menarik syarikat tersebut untuk bertapak di Negeri Perak daripada hanya sekadar mengeksport bahan mentah kepada pemprosesan dan pengeluaran produknya di sini.

2017 merupakan tahun yang membuka banyak peluang menarik pelaburan ke Negeri Perak dan inisiatif ini akan diteruskan bagi menjadikan Negeri Perak sebagai *preferred destination* untuk pelabur dan PKNP kekal sebagai agensi penggerak pembangunan ekonomi yang utama.

4.2 Pelabuhan dan Logistik

Lumut Maritime Terminal Sdn Bhd (LMTSB) yang memiliki dan menguruskan Pelabuhan Lumut (LMT) serta menyelia Lekir Bulk Terminal (LBT) kini sedang giat melaksanakan pelan perniagaan strategik 10 tahun (2016-2026) melalui proses peningkatan tahap automasi dan penambahbaikan efisiensi di LMT1.

LMTSB juga akan mula membangunkan LMT2 di kawasan Batu Undan yang bakal mengendalikan kargo bersih dengan

kos pelaburan berjumlah RM375 juta keseluruhannya. Dianggarkan berkeluasan 115 ekar, kapasiti pengurusan kargo disasarkan sebanyak 7 juta tan metrik di LMT2 apabila siap sepenuhnya. Ini akan menyaksikan LMT mampu mengendalikan kargo sebanyak 14 juta tan metrik apabila LMT1 & LMT2 beroperasi sepenuhnya.

Antara hasil pelaksanaan proses peningkatan tahap automasi di LMT adalah kenaikan jumlah pengendalian kargo di LMT1 yang mencecah 3.88 juta tan metrik pada tahun 2017 berbanding 3.26 juta tan metrik pada tahun sebelumnya. Peningkatan kapasiti yang dijangka dapat dicapai selepas pelaksanaan kesemua program adalah seperti berikut :-

PELABUHAN / KAPASITI KENDALIAN	SEBELUM PERLAKSANAAN	SELEPAS PERLAKSANAAN
Lumut Maritime Terminal	3.88 juta tan metrik/setahun	14 juta tan metrik/setahun
Lekir Bulk Terminal	11.5 juta tan metrik/setahun	13 juta tan metrik/setahun





Tarikan pelancongan yang dibangunkan di Bandar Meru Raya




Lekir Bulk Terminal

4.3 Hospitaliti dan Pelancongan


4.3.1 Bandar Meru Raya

Bandar Meru Raya disasarkan untuk menjadi hab destinasi pelancongan dan tarikan baru Negeri Perak dengan beberapa komponen yang telah dan akan dibina di Bandar Meru Raya merangkumi :-

- Hotel Casuarina@Meru
- Movie Animation Park Studios (MAPS)
- Taman Awam Bulatan Amanjaya
- Restoran Rumah Tradisional Melayu (RRTM)
- Taman Tema Air



Gambaran Artis : Taman Tema Air



4.3.2 Hotel Casuarina

Hotel Casuarina @ Meru telah beroperasi di Bandar Meru Raya sejak 2013. Hotel yang mempunyai 146 buah bilik ini dilengkapi dengan kemudahan *business centre*, lapan (8) buah bilik majlis dan Pusat Konvensyen Amanjaya (AJCC) yang boleh memuatkan seramai 2,500 orang dalam satu masa.

Kemampuan Hotel Casuarina @ Meru dalam mengendalikan acara-acara berskala besar telah terbukti apabila Pusat Konvensyen Amanjaya (AJCC) sering dipilih menjadi hos kepada acara-acara antarabangsa seperti *Pangkor International Dialogue* (PIDD) sejak 2014 dan *World Conference on Islamic Thought & Civilization* (WCIT).

Pusat Konvensyen Amanjaya (AJCC) juga menjadi tuan rumah bagi beberapa aktiviti berskala besar antaranya Majlis Hafazan dan Tilawah Al-Quran, Karnival Pendidikan Tinggi Negara dan Majlis Sambutan Maulidur Rasul.



Gambaran Artis : Hotel Casuarina @ Teluk Intan



Gambaran Artis : Hotel Casuarina @ Taiping



Penganjuran PIDD dan WCIT di Hotel Casuarina @ Meru



PKNP sedang giat membina dua (2) buah lagi hotel di bawah jenama Casuarina iaitu di Teluk Intan dan Taiping. Kerja-kerja pembinaan bagi Hotel Casuarina @ Teluk Intan telah bermula pada penghujung tahun 2017 dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2019.

4.3.3 Lanai Casuarina

PKNP mengambil inisiatif untuk menjenamakan semula 12 buah Rumah Rehat Kerajaan Negeri kepada produk Lanai Casuarina. Ia bermula dengan pengoperasian rumah rehat yang dikenali sebagai Lanai Casuarina @ Cempaka Sari, Parit pada tahun 2016 yang dilengkapi dengan 19 buah bilik, sebuah dewan serta sebuah kafeteria. Penjenamaan semula ini dijangka dapat memenuhi permintaan terhadap penginapan yang lebih selesa kepada pengunjung di samping menjadi tarikan kepada pelancong serta membantu menjana ekonomi Negeri Perak.



Lakaran artis : Lanai Casuarina @ Kuala Kangsar

4.3.4 Rumah Bot Casuarina (Casuarina Boathouse)

Sehingga tahun 2017, sebuah rumah bot iaitu *Casuarina Boathouse@Temenggor 1* telah beroperasi sepenuhnya manakala *Casuarina Boathouse@Temenggor 2* kini dalam proses pembinaan. *Casuarina Boathouse@Temenggor 2* ini telah dirancang pembinaannya dengan lebih eksklusif dan dijangka mampu membawa perubahan kepada sektor hospitaliti dan pelancongan di Tasik Temenggor di samping mempromosikan Hutan Simpan Royal Belum ke peringkat yang lebih luas. Rumah Bot Casuarina ini juga dijangka dapat meningkatkan peluang ekonomi kepada Bumiputera di kawasan setempat serta ekonomi Negeri Perak secara amnya.



Lanai Casuarina @ Cempaka Sari, Parit



Rumah Bot Casuarina 1



Di samping Lanai Casuarina yang sudah beroperasi, pembangunan semula Lanai Casuarina lain yang sedang giat dijalankan antaranya Lanai Casuarina @ Kuala Kangsar dijangka akan mula beroperasi pada tahun 2020.



Lakaran Artis : Rumah Bot Casuarina 2

4.3.5 Movie Animation Park Studio (MAPS)

Movie Animation Park Studio (MAPS) telahpun memulakan pra-operasinya sejak Jun 2017 dan sambutan yang diterima adalah menggalakkan dengan sekitar 170,000 orang pelancong telah hadir ke MAPS sejak pembukaannya. MAPS mempunyai sebanyak enam (6) zon bertema yang menyajikan lebih 60 buah tarikan. Jumlah pelancong dijangka akan terus meningkat apabila zon bertema *Dream Zone* dibuka kepada pengunjung pada pertengahan 2018. MAPS mensasarkan sekurang-kurangnya 1 juta orang pelancong ke taman tema ini dalam tahun penuh pertama operasinya yang bakal memberi impak positif dalam pembangunan di BMR dan juga kawasan sekitarnya.



Antara tarikan yang terdapat di MAPS



4.3.6 Taman Awam Bulatan Amanjaya

Taman Awam Bulatan Amanjaya yang terletak di tengah-tengah Bandar Meru Raya telah mula beroperasi sejak 2016 dan sehingga kini telah berjaya menjadi tumpuan para pengunjung dari kawasan sekitar dan juga pelancong. Bulatan Amanjaya yang berkeluasan 18 ekar mempunyai pelbagai kemudahan aktiviti dan riadah yang disediakan seperti *wading pool*, *children playground*, *amphitheatre* dan kawasan papan selaju. Bulatan Amanjaya membuktikan kemampuannya menganjurkan acara berskala besar menerusi penganjuran pelbagai aktiviti sepanjang tahun 2017 seperti Karnival Jualan Mega Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan pada November lalu. Bulatan Amanjaya juga turut diiktiraf di peringkat kebangsaan apabila memenangi anugerah bagi *Best Outdoor Public Space* untuk tahun 2017 daripada *Malaysian Institute Of Planners* pada November 2017.



Taman Awam Bulatan Amanjaya
pada Januari 2017 dan Disember 2017



4.3.7 Pembangunan Semula Kompleks Silveritage Galleria

Pembangunan semula Kompleks Silveritage Galleria (KSG) telahpun selesai sepenuhnya pada tahun 2017 dan telah memulakan operasinya pada hujung tahun tersebut. Kompleks yang berkeluasan 70,000 kaki persegi ini mempunyai 110 ruang niaga yang merangkumi ruang untuk *food & beverage*, *retails* dan ruang *kiosk* di mana 97 ruang niaga tersebut telahpun beroperasi sepenuhnya. Antara kedai-kedai yang sudah beroperasi di KSG di antaranya Labu Sayong Cafe @ Silveritage, kedai pakaian termasuk kraftangan tradisional. Kompleks ini disasarkan akan menjadi salah satu destinasi pelancongan di Negeri Perak serta membantu mempromosikan warisan kraftangan Negeri Perak selain menjana peningkatan ekonomi usahawan Bumiputera dan penduduk setempat.




Kompleks Silveritage Galleria

4.3.8 Restoran Rumah Tradisional Melayu (RRTM)

Restoran Rumah Tradisional Melayu (RRTM) yang terletak berhampiran Bulatan Amanjaya telahpun siap sepenuhnya pada April 2017. Berkeluasan 3.99 ekar, RRTM berperanan menawarkan pelbagai masakan tradisional Melayu dan makanan tradisi Negeri Perak. Ia merupakan salah satu strategi PKNP bagi menarik pengunjung-pengunjung ke RRTM. Restoran yang menggunakan tiga jenis reka bentuk rumah tradisional Melayu Perak menjadi tumpuan kepada pengunjung iaitu Rumah Kutai Anjung Beranda, Rumah Limas Potong Perak dan Rumah Limas Potong Perak Gaya Utara. Restoran yang telah beroperasi adalah Labu Sayong Signature @ Meru dan Restoran Tok Nan.



Labu Sayong Signature @ Meru
di Restoran Rumah Tradisional Melayu



4.4 Pembangunan Perumahan Mampu Milik

Selaras dengan Gagasan Perak Amanjaya, adalah menjadi harapan Kerajaan Negeri Perak untuk membantu golongan berpendapatan sederhana untuk memiliki kediaman yang selesa. Justeru itu, Kerajaan Negeri akan terus memberi penekanan untuk menyediakan perumahan yang mencukupi dengan persekitaran yang selamat, sihat dan sejahtera di samping kemudahan awam yang lengkap serta kemudahan taman rekreasi yang bermutu. Bagi tujuan tersebut, PKNP telah dipertanggungjawabkan untuk membangunkan sebanyak 10,000 unit Rumah Mampu Milik (RMM) di Negeri Perak.

Dari tahun 2015-2017, PKNP telah melancarkan sebanyak 2,480 buah Perumahan Mampu Milik di sekitar Negeri Perak seperti berikut :-

Pemilik Tanah	Lokasi Projek	Pemaju	Saiz Tanah (Ekar)	Komponen	Unit	Tahun
PCBD	BMR Zon 7 (Kinta)	Euro Master Sdn Bhd / D'Aman Residensi Sdn Bhd	22.895	Apartmen 5 Tingkat (5 Blok)	360	2015
				Apartmen 15 Tingkat (3 Blok)	480	2016
				Apartmen (PPA1M) 15 Tingkat (1 Blok)	240	2017
				JUMLAH	1,080	
PCBD	BMR Zon 3C (Kinta)	Teguh Revenue Sdn Bhd / Gelombang Prestasi Sdn Bhd	10.14	Apartmen Jenis A	96	2015
				Apartmen Jenis AB (Balkoni)	96	
				Apartmen Jenis B (Aras 7-25)	152	
				Apartmen Jenis B (Aras 2-6)	40	
				JUMLAH	384	
PCBD	BMR Zon 9 (Plot 2 & 3) (Kinta)	Sunny Reap Development Sdn Bhd / Cempaka Majujaya Sdn Bhd	26.62	Teres 2 Tingkat	139	2016
				Teres 2 Tingkat	274	
				JUMLAH	413	
PKNP	PENGKALAN RAYA (Kinta)	Euro Master Sdn Bhd / D'Aman Residensi Sdn Bhd	22.98	Teres 1 Tingkat	274	2016
				Teres 2 Tingkat	177	
				JUMLAH	451	
PKNP	ALOR PONGSU 1 (Kerian)	Sahara Budi Sdn Bhd / Lahar Budi Sdn Bhd	12	Teres 2 Tingkat	152	2017
				JUMLAH	152	
JUMLAH BESAR					2,480	

Gambar-gambar di bawah merupakan Projek Perumahan Mampu Milik yang sedang di dalam pembinaan.



BMR ZON 7 (D'Aman Residensi@Meru)



BMR ZON 3C (Casa Kayangan@Meru)



BMR ZON 9 (Suria@Meru)



PENGKALAN RAYA





ALOR PONGSU 1



4.5 Pembangunan Pekan-Pekan Kecil

Projek Pembangunan Semula Pekan-Pekan Kecil adalah satu projek yang diinspirasikan oleh YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Dr. Zambry Abdul Kadir untuk menyokong matlamat dan inisiatif Kerajaan Negeri Perak bagi mencipta dan mengagih peluang ekonomi, pendapatan dan kekayaan kepada masyarakat Bumiputera luar bandar sebagai sebahagian daripada agenda sosial negeri.

PKNP telah diamanahkan oleh kerajaan negeri untuk menerajui projek tersebut. Setiap tapak projek ini mengandungi tiga (3) komponen utama iaitu kedai desa, gerai dan dataran. Kedai desa dan gerai adalah untuk usahawan desa menjual barangan dan produk keluaran tempatan. Jumlah minimum kedai desa dan gerai adalah sekurang-kurangnya sebanyak empat (4) unit dan maksimum gerai sebanyak 10 unit bagi setiap pekan kecil. Komponen dataran pula adalah untuk membolehkan pelbagai aktiviti keramaian dan kemasyarakatan diadakan. Setiap projek yang telah siap dan beroperasi dijenamakan sebagai Dataran Amanjaya.



Dataran Amanjaya Lekir



Dataran Amanjaya Manong



Dataran Amanjaya Sauk

Secara keseluruhan, PKNP merancang untuk membangunkan sebanyak 41 buah pekan kecil dalam tempoh lima (5) tahun bermula pada tahun 2014 sehingga 2018. Sehingga tahun 2017, sebanyak 12 projek pekan kecil telah berjaya disiapkan di mana kesemuanya telah memperolehi Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC), tiga (3) buah lagi projek sedang dalam proses pembinaan dan tujuh (7) buah projek lain masih di dalam peringkat tender / kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sembilan belas (19) projek pekan kecil lagi masih dalam peringkat perancangan.

Butiran senarai pembangunan pekan kecil yang telah disiapkan oleh PKNP sehingga tahun 2017 adalah seperti jadual berikut :-

PROJEK	BUTIRAN
Dataran Amanjaya Sauk, Kuala Kangsar	Komponen : • 12 unit Kedai Desa • 6 unit Gerai Desa • Dataran Telah beroperasi dan perolehi Sijil Penyiapan & Pematuhan (CCC) pada 5 Jun 2015.  
Pekan Kecil Ijok, Selama	Komponen : • 7 unit Kedai Desa Telah beroperasi dan perolehi Sijil Penyiapan & Pematuhan (CCC) pada 9 Julai 2015. 
Pekan Kecil Trong, Taiping	Komponen : • 12 unit Kedai Pejabat • 5 unit Kedai Desa Telah beroperasi dan perolehi Sijil Penyiapan & Pematuhan (CCC) pada 31 Oktober 2015.  

PROJEK	BUTIRAN
Dataran Amanjaya Lekir, Sitiawan	Komponen : • 6 unit Kedai Desa • 5 unit Gerai Desa • Dataran Telah beroperasi dan perolehi Sijil Penyiapan & Pematuhan (CCC) pada 31 Mei 2016. 
Dataran Amanjaya Kubu Gajah, Selama	Komponen : • 4 unit Kedai Desa • Pasar • Dataran • 4 unit Gerai Desa Telah beroperasi dan perolehi Sijil Penyiapan & Pematuhan (CCC) pada 9 Ogos 2016.  
Dataran Amanjaya Manong, Kuala Kangsar	Komponen : • 4 unit Kedai Desa • Dataran • 4 unit Gerai Desa Telah siap sepenuhnya dan perolehi Sijil Penyiapan & Pematuhan (CCC) pada 1 November 2016.  
Dataran Amanjaya Semanggol, Gunung Semanggol	Komponen : • 4 unit Kedai Desa • Dataran • 3 unit Gerai Desa Telah siap sepenuhnya dan perolehi Sijil Penyiapan & Pematuhan (CCC) pada 21 Disember 2016.  

PROJEK	BUTIRAN
Dataran Amanjaya Simpang Lima, Parit Buntar	Komponen : • 8 unit Kedai Desa • 4 unit Gerai Desa • Dataran Telah siap sepenuhnya dan perolehi Sijil Penyiapan & Pematuhan (CCC) pada 19 April 2017.  
Dataran Amanjaya Lawin, Gerik	Komponen : • 4 unit Kedai Desa • Dataran • 4 unit Gerai Desa Telah siap sepenuhnya dan perolehi Sijil Penyiapan & Pematuhan (CCC) pada 21 April 2017.  
Dataran Amanjaya Bagan Datuk, Bagan Datuk	Komponen : • 4 unit Kedai Desa • Dataran • 6 unit Gerai Desa Telah siap sepenuhnya dan perolehi Sijil Penyiapan & Pematuhan (CCC) pada 24 Julai 2017.  
Dataran Amanjaya Slim Village, Slim River	Komponen : • 4 unit Kedai Desa • Dataran • 4 unit Gerai Desa Telah siap sepenuhnya dan perolehi Sijil Penyiapan & Pematuhan (CCC) pada 13 Julai 2017.  

PROJEK	BUTIRAN
Dataran Amanjaya Temoh, Tapah	Komponen : • 6 unit Kedai Desa • 8 unit Gerai Desa • Dataran Telah siap sepenuhnya dan perolehi Sijil Penyiapan & Pematuhan (CCC) pada 28 Julai 2017.  

5.0 Peranan Sebagai Agensi Pembangunan Usahawan

5.1 Pusat Sehenti Usahawan Negeri Perak (One Stop Centre)



Kerajaan Negeri Perak telah menjadikan Pusat Pembangunan Usahawan (PPU) PKNP sebagai Pusat Sehenti Usahawan Negeri Perak (One Stop Centre) bagi memberi kemudahan kepada usahawan-usahawan untuk mendapatkan khidmat nasihat, maklumat pembiayaan, geran serta menaik taraf pembungkusan / pelabelan dan ketahanan produk melalui kerjasama dengan agensi-agensi keusahawanan yang beroperasi di Negeri Perak.

5.2 Pusat Fasilitas Keramik, Chemor (Ceramic Common Facilities Centre)

PKNP menyediakan Pusat Fasilitas Keramik (CFC) di Chemor untuk kegunaan usahawan-usahawan seramik mendapatkan khidmat nasihat, pemindahan teknologi seramik, bimbingan teknikal serta bengkel gunasama untuk pengeluaran berskala besar bagi usahawan Industri Kecil Sederhana (IKS).

Kemudahan fasiliti, peralatan dan mesin di pusat ini dapat membantu usahawan-usahawan seramik untuk memenuhi tempahan berskala besar yang tidak dapat dibuat di bengkel mereka sendiri.

CFC Chemor juga menjalankan Program Interaktif Keramik bersama masyarakat yang terdiri daripada kanak-kanak tadika, kumpulan dan persatuan bagi menarik minat dan mendedahkan orang ramai terhadap kepelbagaian penggunaan seramik dalam

kehidupan dan peluang menjana pendapatan sampingan hasil kerja seni seramik.

5.3 Rakan Niaga Strategik



PKNP turut menyediakan Skim Rakan Niaga Strategik di mana PKNP menjadi rakan niaga strategik kepada syarikat-syarikat yang berpotensi dan berdaya maju dengan menyuntik modal niaga kepada syarikat terpilih yang telah berjaya melalui proses saringan menyeluruh.

Seramai dua (2) orang usahawan telah dibantu melalui Skim Rakan Niaga Strategik pada tahun 2017 iaitu usahawan yang menjalankan perniagaan Restoran Masakan Melayu Tradisional dan acar buah kering.

Usahawan - usahawan ini juga dibantu melalui penyewaan premis bagi pengeluaran produk. Usahawan-usahawan bimbingan PKNP ini juga telah berjaya meneroka pasaran luar negara dengan mengeksport acar buah kering ke Brunei.

5.4 Pembangunan Usahawan & Pemasaran Produk

PKNP melalui anak syarikatnya telah membuka kedai *Perak Entrepreneur Mart* (PEM) yang beroperasi di Silveritage, Medan Gopeng, Ipoh sebagai Pusat Pengedaran dan Jualan Produk untuk membantu meluaskan pemasaran produk-produk usahawan.

Sebanyak 113 jenis produk hasil keluaran usahawan dipromosi dan dijual di PEM termasuk barangan cenderamata seramik dan kayu. Produk-produk dipilih daripada usahawan Industri Kecil dan Industri Kecil

Sederhana dari serata Negeri Perak. PEM juga memasarkan produk seramik dan cenderamata selain menawarkan perkhidmatan jualan hamper serta membantu Pusat Dalam Komuniti (PDK) di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak untuk membuat jualan dan promosi produk hasil kerja tangan Orang-orang Kurang Upaya seluruh Negeri Perak.

5.5 Sosioekonomi



Antara usaha-usaha yang dilakukan untuk membangun dan memperkasa usahawan-usahawan bimbingan PKNP adalah dengan memperkenalkan dan mempromosi produk-produk.

Untuk itu, usahawan-usahawan terpilih diberi peluang menyertai ekspo, karnival usahawan serta program-program keusahawanan anjuran agensi-agensi keusahawanan peringkat negeri / persekutuan setiap tahun seperti *Malaysia Halal International Showcase*, Hari Kraf Kebangsaan, Pameran Wanita Kreatif, *Halal Festival ASEAN*, *Malaysia Fest* di Singapura, *People Exhibition* di China dan Karnival Usahawan sempena Pemukiman YAB Menteri Besar Perak bagi mengetengahkan produk yang mempunyai sijil Halal dan MeSTI serta produk yang telah dibimbing dan diberi khidmat nasihat untuk dikomersialkan.

5.5.1 Program Agropreneur Muda

Seramai 16 orang usahawan bimbingan PKNP telah berjaya menerima Geran IKC (In Kind Contribution) bernilai RM165,000 bagi Program Agropreneur Muda di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Malaysia (MOA).

Usahawan-usahawan menerima geran dalam bentuk kiosk beserta kelengkapan berniaga dan bahan mentah untuk memulakan perniagaan. Prestasi mereka dipantau dengan kerjasama agensi kerajaan, MARDI.

5.5.2 Program Latihan Pembangunan Usahawan

Pelbagai program keusahawanan seperti bengkel, kursus, kursus pensijilan HALAL dan MeSTI, bengkel ketahanan produk, pelabelan dan pasaran secara *online* telah diadakan dengan sokongan agensi-agensi keusahawanan yang lain bagi membantu usahawan memperkasa dan mengembangkan perniagaan.



Kursus dan bengkel yang berkaitan telah diadakan bagi membimbing usahawan untuk memulakan perniagaan, latihan daripada segi penyediaan dokumen kewangan & akaun, meningkatkan mutu produk serta pemasaran secara *online*.

Sepanjang tahun 2017, seramai 590 orang usahawan telah menghadiri pelbagai siri kursus, bengkel dan program keusahawanan.

PROGRAM PENSIJILAN HALAL DAN MeSTI JABATAN KESIHATAN NEGERI PERAK DAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK PADA 5 JULAI – 6 JULAI 2017



KARNIVAL USAHAWAN SEMPENA PROGRAM PEMUKIMAN YAB MENTERI BESAR PERAK DARUL RIDZUAN



PROGRAM INSKEN BUSINESS IMPROVEMENT 28 JULAI - 30 JULAI 2017



HARI KRAF PERINGKAT KEBANGSAAN MALAYSIA PADA 22 FEBRUARI 2017 – 6 MAC 2017



MALAYSIA FEST 2017 SINGAPURA 10 OGOS – 13 OGOS 2017



HALAL FEST 2017

23 OGOS 2017



PROGRAM INTERAKTIF SERAMIK BERSAMA MASYARAKAT TADIKA MINDA CEMERLANG

23 OGOS 2017



USAHAWAN-USAHAWAN RESTORAN & FOOD COURT DI SILVERTAGE



6.0 Peranan Sebagai Pemegang Amanah




Sebagai agensi pemegang amanah, PKNP akan terus berperanan untuk memegang dan menambah nilai aset perniagaan sehingga ianya berupaya diurus dan diambilalih masyarakat perniagaan Bumiputera pada masa hadapan.

Kuota Bumiputera juga masih dikekalkan di dalam projek-projek pembangunan Kumpulan PKNP terutamanya di Bandar Meru Raya dengan mengekalkan nisbah pemilikan bumiputera 77% bagi perumahan dan 50% bagi komersial. Kumpulan PKNP juga mengutamakan kontraktor Bumiputera yang berkeelayakan dalam projek-projek pembangunan yang sedang dan bakal berjalan.


Sehingga tahun 2017, Kumpulan PKNP mempunyai pegangan di dalam 14 buah anak syarikat iaitu Perak Corporation Berhad, Majuperak Holdings Berhad, Perak Industrial Resources Sdn Bhd, Star Career Sdn Bhd, Perak E-Organization Sdn Bhd, Perak Halal Corporation Sdn Bhd, Destination Perak Sdn Bhd, Perak Teamwork Sdn Bhd, Perak Hi Tech Park Sdn Bhd, Perak Equity Sdn Bhd, Perak Bio Corporation Sdn Bhd, Brand Equity Sdn Bhd, Terra Projects Partners Sdn Bhd dan Niche Phoenix Sdn Bhd.

Nisbah Pemilikan Bumiputera Bagi Komersial



■ BUMIPUTERA ■ LAIN-LAIN

Nisbah Pemilikan Bumiputera Bagi Perumahan



■ BUMIPUTERA ■ LAIN-LAIN

7.0 Program Tanggungjawab Sosial (CSR) Kumpulan PKNP Tahun 2017

JANUARI

- 3** Bayaran Sumbangan Dana untuk Aktiviti Kelab Petanda Kinta Batu Gajah sebanyak RM5,000.
- 3** Sumbangan Majlis Makan Malam Media Persatuan Pengamal Media Perak sebanyak RM5,000.

FEBRUARI

- 24** Sumbangan kepada Akademi Bola Sepak Majlis Perbandaran Taiping sempena Program Pemukiman YAB Menteri Besar Perak di Bukit Gantang & Taiping, Perak sebanyak RM6,880.
- 24** Sumbangan Kejohanan Sukan Piala YAB Menteri Besar Perak Tahun 2017 kepada Pejabat Daerah & Tanah Hulu Perak sebanyak RM5,000.
- 24** Sumbangan Peruntukan Menjalankan Aktiviti dan Program bagi Tahun 2017 kepada Persatuan Permuafakatan Ipoh sebanyak RM50,000.
- 27** Sumbangan MAKSAK Tenpin Bowling 2017 pada 2 sehingga 5 Mac 2017 di Selangor kepada Kelab Sukan & Kebajikan Kakitangan Majlis Sukan Negeri Perak sebanyak RM5,000.
- 27** Sumbangan Membeli Peralatan Pasukan Gamelan Warisan SMK Seri Iskandar sebanyak RM10,000.
- 27** Sumbangan kepada Persatuan Sukan Orang Buta Malaysia (MBSA) sebanyak RM5,000.

MAC

- 21** Sumbangan Kewangan sempena Kejohanan Sukan Piala YAB Menteri Besar Perak kepada Pejabat Pengarah Tanah & Galian Negeri Perak (Bahagian Pengurusan) sebanyak RM5,000.
- 28** Sumbangan Penajaan Tahun Kewangan 2017 bagi Penerbitan Buku 'Coffee Table' PDRM sebanyak RM10,000 kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM).
- 31** Sumbangan sempena Kejohanan Golf Keputeraan DYMM Sultan Perak Siri 2 sebanyak RM20,000.

APRIL

- 3** Sumbangan Program Misi Bantuan Kemanusiaan Rakyat Rohingya sebanyak RM5,000 kepada Pertubuhan Masyarakat Prihatin Islam Malaysia.
- 3** Sumbangan Penajaan bagi Pasukan Bola Sepak Real Pangkor (RPFC) dalam Liga Perdana sebanyak RM2,000 kepada Persatuan Belia Warisan Sg. Pinang, Pulau Pangkor.
- 7** Sumbangan Penajaan Majlis Makan Malam Amal bersama Datuk Jamal Abdillah anjuran Yayasan Bakti Gunung Kledang pada 8 Julai 2017 sebanyak RM35,000.
- 7** Sumbangan / Tajaan sempena Kejohanan Hoki Piala Sultan Azlan Shah ke-26 Tahun 2017 sebanyak RM300,000.
- 7** Sumbangan Penajaan "UniKL RCMP Charity and Color Run 2017" sebanyak RM1,000.
- 13** Sumbangan Kelab Anggota Bahagian Dewan Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Perak Darul Ridzuan sebanyak RM3,000.
- 20** Sumbangan Program Mini Jamboree Mountain Bike (MTB) di Gua Tempurung Daerah Kampar sempena Tahun Melawat Perak 2017 sebanyak RM5,000.

MEI

- 15** Sumbangan Program MY RUN (Malaysia Run) anjuran Homestay Bagan Datuk, Perak sebanyak RM5,000.
- 31** Sumbangan Program "Ziarah Kasih Ramadhan - RTM Bersama Masyarakat Orang Asli (Muallaf)" sebanyak RM5,000 kepada Kembara Amal Dan Kebajikan - RTM.

JUN

Tiada

JULAI

- 12** Sumbangan untuk Majlis Makan Malam Amal "Twinkle Stars Night 2017" kepada PIBG Kolej Tunku Kurshiah sebanyak RM5,000.
- 27** Sumbangan Kewangan untuk Pertandingan Golf Aidilfitri 2017 di Kelab Golf Batu Gajah pada 29 & 30 Julai 2017 sebanyak RM3,000.
- 27** Sumbangan untuk Bakal-bakal Haji Seluruh Negeri Perak 1438H / 2017 sebanyak RM58,500.

OGOS

- 7** Sumbangan untuk Membangunkan Sukan & Baik Pulih Dataran Pavilion SK Sultan Abdul Aziz Teluk Intan sebanyak RM10,000.
- 7** Sumbangan untuk Membeli Kelengkapan Kelas Bestari SMK Clifford, Kuala Kangsar sebanyak RM2,500.
- 21** Sumbangan Korban Perdana 2017 Masihi / 1438H sebanyak RM225,000 kepada Yayasan Kemajuan Darul Ridzuan.
- 25** Sumbangan Lembu Korban Sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha 1438H kepada ADUN Kawasan Kamunting sebanyak RM13,500.
- 25** Sumbangan Lembu Korban Sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha 1438H kepada ADUN Kawasan Kinta sebanyak RM15,300.

SEPTEMBER

- 15** Sumbangan Dana untuk PIBG SMK Jati, Ipoh sebanyak RM1,000.
- 15** Sumbangan Bantuan Kewangan bagi Pasukan Futsal Negeri Perak ke Kejohanan Orang Pekak Malaysia Kali ke-2 di Kuantan, Pahang sebanyak RM4,010.

OKTOBER

- 4** Sumbangan Derma Senamrobikthon 2017 Persatuan Ibu Bapa dan Guru SK Jati sebanyak RM1,000.
- 4** Sumbangan untuk Kutipan Dana Projek Pembinaan Rumah Orang-orang Tua (Islam) Titian Abadi di Ara Payung, Batu Gajah, Perak sebanyak RM5,000.

NOVEMBER

- 1** Sumbangan Kejohanan Bola Sepak Bawah 12 Tahun Piala YB Dato' Mohammad Zahir sebanyak RM10,000 kepada Majlis Guru Besar Larut Matang & Selama.
- 14** Sumbangan kepada Koperasi Politeknik Ungku Omar Berhad bagi Penganjuran Bersama Perak International ICT Innovation and Design Expo (PIIDEX) 2017 pada 7 sehingga 8 November 2017 di Hotel Casuarina@Meru sebanyak RM1,000.
- 20** Sumbangan Hadiah Cabutan Bertuah Hari Keluarga KOPERAK pada 22 Disember sehingga 24 Disember 2017 sebanyak RM1,000.
- 30** Sumbangan Menganjurkan Karnival Pengadil Bola Sepak Peringkat Negeri Perak sebanyak RM5,000 kepada Persatuan Pengadil Bola Sepak Perak.

DISEMBER

- 12** Sumbangan Kewangan Membiayai Pembangunan Tahfiz Pondok Sains Pengkalan Hulu, Perak (TAHPOS) sebanyak RM1,000.
- 12** Sumbangan Dana Kelas Al-Quran kepada Pertubuhan Khidmat Masyarakat Cacat Penglihatan Malaysia (PEKHIDMAT) sebanyak RM1,590.
- 12** Sumbangan Kempen Tabung Pahlawan Peringkat Negeri Perak 2017 sebanyak RM1,000.
- 12** Sumbangan Peruntukan Tambahan untuk Baki Bayaran Pakaian Perbarisan Kontinjen Jabatan Kehakiman Syariah Perak di Sukan Mahkamah Syariah SE Malaysia (SMS-4) Tahun 2017 sebanyak RM2,000.
- 12** Sumbangan / Tajaan / Peruntukan / Zakat bagi Pengurusan dan Perlaksanaan Program "Karnival Usahawan Teristimewa" sebanyak RM1,000.
- 19** Sumbangan Tajaan Program Pelancongan Larut-British-Malaya Taiping Disember 2017 sempena Tahun Melawat Perak 2017 Anjuran Tourism Perak dengan Kerjasama Syaeba Pictures Sdn Bhd sebanyak RM1,500.

8.0 Laporan Prestasi Kewangan



PKNP telah mencatat peningkatan di dalam pendapatan sebanyak sekali ganda daripada RM45 juta kepada RM97 juta sepanjang tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2017. Pendapatan Perbadanan adalah daripada penjualan tanah dan terimaan hasil sewaan.

Kumpulan PKNP pula telah mencatat pendapatan sebanyak RM230 juta bagi tahun kewangan 31 Disember 2017 berbanding RM221 juta dalam tempoh yang sama tahun lepas. Pendapatan Kumpulan PKNP bagi tahun 2017 antaranya diperolehi daripada penjualan tanah, operasi perhotelan serta perkhidmatan kargo di Lekir Bulk Terminal dan Pelabuhan Lumut.

Selaras dengan Pelan Strategik Perniagaan Kumpulan, PKNP terus berusaha untuk mempelbagaikan sumber pendapatan menerusi 3 segmen utama bagi mengurangkan risiko kebergantungan pendapatan pada segmen tertentu sahaja. Strategi ini menumpukan kepada pembangunan segmen hospitaliti dan pelancongan menerusi pembukaan taman tema animasi, perniagaan hotel di bawah jenama "Casuarina" dan pembukaan outlet *Food & Beverages* yang diunjur mampu memberikan pendapatan yang mampan kepada kumpulan PKNP. Walau bagaimanapun, beberapa projek ini masih lagi di dalam fasa awal pembangunan dan hasilnya hanya akan dapat dilihat dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

Bagi tempoh kewangan tahun 2017, Kumpulan PKNP merekodkan kerugian bersih sebanyak RM440 juta berbanding kerugian RM7.5

juta bagi tahun sebelumnya. Ini antaranya disebabkan oleh peruntukan rosot nilai untuk taman tema animasi yang memulakan pra-operasinya pada tahun 2017. Kenaikan kos pentadbiran dan kos jualan juga menyumbang kepada peningkatan kerugian sebelum cukai.

Kumpulan PCB kekal sebagai penyumbang hasil tertinggi bagi Kumpulan PKNP dengan menyumbang lebih 75% hasil keseluruhan Kumpulan dalam tempoh tersebut. Berdasarkan faktor perniagaan, Pelabuhan dan Logistik menyumbang kira-kira 46% jumlah hasil manakala sektor hartanah menyumbang kira-kira 39% daripada hasil Kumpulan PKNP. Hasil selebihnya adalah melalui sektor Hospitaliti dan Pelancongan.



9.0 Laporan Sumber Manusia

9.1 Status Modal Insan Peringkat Kumpulan dan PKNP



Modal insan sentiasa diiktiraf sebagai tunggak utama kepada pencapaian misi dan objektif Kumpulan PKNP. Bagi tahun 2017, Pengurusan Modal Insan Strategik Kumpulan PKNP dilakukan dengan lebih berhemah selaras dengan pelan strategik perniagaan syarikat. Sehingga tahun berakhir 31 Disember 2017, kekuatan modal insan peringkat Kumpulan dan PKNP adalah seramai **1,650 orang**. Pecahan mengikut syarikat dan pertubuhan adalah seperti berikut :-

Bil.	Syarikat / Pertubuhan	Warga kerja (orang)
1	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP)	121
2	Majuperak Holdings Berhad (MHB)	47
3	Perak Corporation Berhad (PCB)	206
4	Perak Industrial Resources Sdn Bhd (PIRSB)	20
5	Perak Halal Corporation Sdn Bhd (PHCSB)	16
6	Perak E-Organization Sdn Bhd	26
7	Perak Investment Management Centre (PIMC)	8
8	Casuarina Meru Sdn Bhd (CMSB)	277
9	Lumut Maritime Terminal Sdn Bhd (LMTSB)	240
10	Animation Theme Park Sdn Bhd (ATPSB)	547
11	Destination Perak Sdn Bhd (DPSB)	24
12	Nexus Jade Sdn Bhd (NJSB)	12
13	Terra Project Partners Sdn Bhd (TPPSB)	20
14	Kelab Bola Sepak Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP FC)	86
JUMLAH		1,650

9.2 Program-Program Pengukuhan Modal Insan 2017



Pihak pengurusan Kumpulan PKNP komited untuk meneruskan usaha pengukuhan modal insan bagi membentuk budaya kerja berprestasi tinggi dalam kalangan warga kerja Kumpulan PKNP. Program-program pembudayaan integriti dan penerapan nilai-nilai korporat Kumpulan PKNP iaitu **Think Big, Entrepreneurship, Stakeholder Success, Outcome Oriented** dan **Risk Taking** di bawah platform Program Transformasi Budaya (CTP) dengan tagline **'Moh Kite, Change The Landscape'** terus dilaksanakan bagi tahun 2017. Morning Briefing adalah antara aktiviti berterusan yang dilaksanakan dalam pelaksanaan CTP.

Selaras dengan usaha untuk mencapai tahap warga kerja bermoral, beretika tinggi dan mempunyai nilai keagamaan serta kerohanian yang utuh bersesuaian dengan Kumpulan PKNP, kursus-kursus pendedahan dan kefahaman integriti telah dilaksanakan sebanyak 7 sesi melibatkan warga kerja Kumpulan PKNP pada tahun 2017.

Modal insan merupakan kunci kepada kejayaan Kumpulan PKNP. Sehubungan dengan itu, PKNP juga amat menitikberatkan pengukuhan kompetensi modal insan dengan mengadakan program-program latihan dalaman dan luaran bagi memastikan semua warga kerja berada pada tahap kesediaan optimum untuk menjalankan tugas masing-masing seterusnya meningkatkan pengetahuan dan kemahiran warga kerja mengikut fungsi dan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

Sebanyak 17 buah program / kursus telah dijalankan sepanjang tahun 2017 seperti berikut :-

Bil.	Program / Kursus	Tempat Peserta	Tarikh	Bil.
1.	Seminar Pengurusan Kewangan Efektif	Hotel Casuarina@Meru	8 Februari 2017	87
2.	Seminar Booster Efikasi Diri	Hotel Casuarina@Meru	21 Februari 2017	362
3.	Kursus <i>Successful Project Management</i>	Hotel Tower Regency, Ipoh	27 - 28 Februari 2017	25
4.	Kursus Integriti Siri 1/2017	Auditorium SPRM Perak	28 Februari 2017	32
5.	Program <i>Breakfast Talk</i> -Penarafan Risiko Siri 1	Hotel Casuarina@Meru	17 Mac 2017	72
6.	Program <i>Towards Together We Are Diligence</i>	Bukit Merah Laketown Resort	29 - 31 Mac 2017	38
7.	Kursus Integriti Siri 2/2017	Auditorium SPRM Perak	13 April 2017	29
8.	Program <i>Towards Together We Are Diligence</i>	Bukit Merah Laketown Resort	19 - 21 April 2017	37
9.	Kursus Integriti Siri 3/2017	Auditorium SPRM Perak	27 April 2017	26
10.	Kursus Integriti Siri 4/2017	Auditorium SPRM Perak	23 Mei 2017	27
11.	Program Ceramah Integriti Sempena Bulan Ramadhan 1438H (Iman Asas Integriti)	Hotel Casuarina@Meru	8 Jun 2017	422
12.	Program <i>Breakfast Talk</i> -Penarafan Risiko Siri 2	Hotel Casuarina@Meru	12 Julai 2017	65
13.	Kursus Integriti Siri 5/2017	Auditorium SPRM Perak	15 Ogos 2017	18
14.	<i>Supervisory Development Programme</i>	Hotel Tower Regency, Ipoh	25 - 26 Ogos 2017	25
15.	Kursus Integriti Siri 6/2017	Auditorium SPRM Perak	12 September 2017	15
16.	Finance For Non Finance Executive	Hotel Tower Regency, Ipoh	20 - 21 Oktober 2017	26
17.	Kursus Integriti Siri 7/2017	Auditorium SPRM Perak	24 Oktober 2017	29

10.0 Prospek Masa Hadapan



Prestasi mantap ekonomi global yang berterusan pada 2017 menunjukkan bahawa kadar pertumbuhan semasa dijangka berterusan sehingga tahun 2018. Pertumbuhan dijangka terus menggalakkan dengan permintaan dalam negeri terus menjadi pemacu utama pertumbuhan. Momentum pertumbuhan positif akan terus mendapat manfaat daripada pertumbuhan global yang lebih baik ke atas aktiviti ekonomi dalam negeri.

Bagi tahun 2018, permintaan dalam negeri dijangka menjadi sumber utama pertumbuhan. Penggunaan swasta akan kekal sebagai pendorong utama pertumbuhan, disokong oleh keadaan pendapatan dan pasaran pekerja keseluruhan yang bertambah baik. Pelaburan kekal mampan hasil daripada pelaksanaan projek-projek infrastruktur dan pelaburan modal yang lebih tinggi dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Sektor luaran dijangka menjadi perangsang pertumbuhan tambahan kepada ekonomi hasil daripada pertumbuhan global yang lebih baik. Secara keseluruhan, penilaian yang dibuat mendapati pertumbuhan Malaysia akan terus kukuh pada tahun 2018.

YAB Dato' Seri DiRaja Dr Zambry Abd Kadir selaku Menteri Besar Perak telah membentangkan Bajet 2018 Negeri Perak pada 21 November 2017. Untuk itu, Kerajaan Negeri Perak telah mengumumkan Bajet 2018 yang memperuntukkan sebanyak RM1.176 bilion. Ia terbahagi kepada **PERBELANJAAN MENGRUS** sebanyak RM755.5 juta dan **PERBELANJAAN PEMBANGUNAN** sebanyak RM421.2 juta. Perbelanjaan bajet 2018 akan melonjakkan pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat selaras dengan tema 'Rakyat Aman dan Jaya'.

Bertemakan Rakyat Aman dan Jaya, Bajet Tahun 2018 akan memastikan kesinambungan pembangunan negeri dan pengupayaan ekonomi rakyat terus dilaksanakan demi kesejahteraan dengan tumpuan kepada lima (5) fokus utama iaitu :-

- Pertama : Memacu Pembangunan dan Ekonomi Negeri;
- Kedua : Memakmur dan Mensejahterakan Rakyat;

- Ketiga : Melahirkan Masyarakat Berilmu dan Generasi Cemerlang;
- Keempat : Mengupayakan Sara Diri Rakyat; dan
- Kelima : Memulihara Kelestarian Sumber dan Khazanah Negeri.

Oleh itu, Kumpulan PKNP akan meneruskan pembangunan yang telah dirancang bagi menyokong Bajet 2018 yang telah dibentangkan seterusnya membantu merangsang pembangunan ekonomi dan sosioekonomi Negeri Perak. Di antaranya ialah Projek Taman Tema Air (Water Theme Park) yang bakal dibina berhampiran dengan taman rekreasi Bulatan Amanjaya. Taman tema air ini berkeluasan 30 ekar dengan jumlah anggaran pelaburan sebanyak RM300 juta. Projek ini masih lagi di dalam fasa awal perancangan.

Kumpulan PKNP turut berhasrat membangunkan sebuah *Jungle Adventure Park* yang terletak di kawasan rekreasi Hutan Simpan Kledang Saiong, 2.0 km dari BMR, 4.5 km dari Plaza Tol Jelapang dan 14.2 km dari Bandaraya Ipoh. Taman tema ini akan dijadikan sebagai salah satu pakej tarikan pelancong di Perak yang bakal menyediakan sekurang-kurangnya 300 peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

Kumpulan PKNP juga kini sedang giat menyiapkan pembinaan dua buah hotel bertaraf 4 bintang yang terletak di Teluk Intan dan Kuala Kangsar, Perak. Hotel ini bakal dijenamakan sebagai produk rangkaian "Casuarina" iaitu Hotel Casuarina@Teluk Intan dan Hotel Casuarina@Kuala Kangsar. Projek ini dijangka siap dibina pada tahun 2019.

Mandat dan kepercayaan berterusan diberikan oleh Kerajaan Negeri Perak kepada PKNP untuk menyiapkan projek pembangunan semula pekan kecil di seluruh Negeri Perak. Bagi tujuan tersebut, Kumpulan PKNP telah mensasarkan untuk menyiapkan tujuh (7) buah Pekan Kecil dalam tahun 2018. Projek pekan kecil ini, bakal meningkatkan lebih peluang ekonomi kepada masyarakat Bumiputera dengan membangunkan pusat komersil di luar bandar bagi merangsang pelbagai aktiviti ekonomi di kawasan tersebut. Semoga tahun yang mendatang bakal mempertingkatkan ekonomi dan taraf hidup khususnya rakyat setempat dan penduduk di Negeri Perak.

11.0 Penghargaan



Saya bagi pihak Lembaga Pengarah PKNP ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Lembaga Pengarah PKNP dan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah anak syarikat Kumpulan PKNP. Dedikasi yang tinggi dan sokongan teguh mereka telah meletakkan entiti ini di atas landasan yang kukuh dan seterusnya mengekalkan prestasi sebagai agensi Kerajaan Negeri yang berjaya dan cemerlang dalam menerajui pembangunan ekonomi Negeri Perak seiring dengan sambutan ulang tahun ke-50 PKNP.

Ucapan terima kasih juga saya rakamkan kepada pihak pengurusan dan seluruh warga kerja Kumpulan PKNP. Sesungguhnya kejayaan PKNP hari ini adalah berasaskan daripada hasil dedikasi dan sumbangan berharga pasukan pengurusan serta seluruh

warga kerjanya. Setinggi-tinggi terima kasih juga saya rakamkan kepada Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, jabatan kerajaan, agensi swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) di atas sokongan tanpa jemu dan sinergi yang berterusan dalam membantu PKNP merealisasikan usaha-usaha memacu ekonomi Negeri Perak.


Komitmen dan sokongan kukuh dan berkekalan yang telah ditunjukkan oleh semua pihak berjaya membantu PKNP menangani cabaran sepanjang tahun 2017 bahkan menjadi semakin kuat dan lebih bersedia mengharungi tahun-tahun mendatang yang tentunya lebih mencabar lagi bagi meneruskan kesinambungan PKNP dalam membangunkan ekonomi dan sosial demi kesejahteraan Negeri Perak dan rakyatnya.

DATO' AMINUDDIN BIN MD. DESA

D.S.D.K.

Ketua Eksekutif

Kumpulan Perbadanan Kemajuan
Negeri Perak



> DIARI KORPORAT 2017

9 JANUARI

Pengisytiharan Bagan Datuk Sebagai Daerah Ke-12

Bagan Datuk yang dahulunya dikenali sebagai Bagan Datoh secara rasmi telah dirasmikan sebagai daerah yang ke-12 di Negeri Perak. Pengisytiharan ini telah dirasmikan oleh DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.



18 JANUARI

Klinik Bola Sepak PKNP FC di SMK Perkasa Di Daerah Bagan Datuk

Klinik Bola Sepak PKNP FC di SMK Perkasa sempena Program Pemukiman YAB Menteri Besar Perak di Daerah Bagan Datuk telah disertai seramai 100 orang peserta dalam lingkungan umur 10 tahun sehingga 12 tahun.



19 JANUARI

Lawatan Rasmi YAB Menteri Besar Ke Dataran Amanjaya Bagan Datuk

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Diraja Dr Zambry Abd Kadir merasmikan Dataran Amanjaya Bagan Datuk sempena Program Pemukiman YAB Menteri Besar Perak di daerah tersebut. Dataran ini dilengkapi dengan komponen-komponen seperti sebuah dataran, enam (6) buah gerai desa dan empat (4) buah kedai desa bagi mencipta dan mengagih peluang ekonomi, pendapatan dan kekayaan kepada masyarakat Bumiputera luar bandar.



08 FEBRUARI

Sesi Tandatangani Kontrak Pemain Piala Presiden PKNP FC 2017

Pemain PKNP FC bagi saingan Piala Presiden yang hadir ke majlis sesi menandatangani kontrak bersama pihak pengurusan PKNP FC bertempat di Hotel Casuarina @ Meru.



22 FEBRUARI

Lawatan Kerja Ahli Lembaga Pengarah Perak Corporation Berhad Ke Movie Animation Park Studios (MAPS)

Ahli Lembaga Pengarah Perak Corporation Berhad (PCB) telah melakukan lawatan kerja ke tapak pembinaan Movie Animation Park Studios (MAPS) bagi meninjau perkembangan terkini fasa pembangunan taman tema tersebut. Ahli-ahli Lembaga Pengarah PCB juga berpeluang mencuba beberapa permainan yang telah siap dibina.



23 FEBRUARI**Jamuan The Ultras
Bersama Pemain
PKNP FC**

Majlis ini diadakan bagi menghargai penyokong pasukan PKNP FC, The Ultras yang seringkali memberi sokongan tanpa jemu pada setiap perlawanan PKNP FC.

**01 MAC****Kempen Derma Darah**

Kempen ini dijalankan oleh Kelab Warga PKNP dengan kerjasama Hospital Raja Permaisuri Bainun bagi memberi kesedaran kepada warga kerja tentang kepentingan menderma darah.

**07 MAC****Klinik Bola Sepak PKNP
FC Di SMK Seri Londang
Di Daerah Perak Tengah**

Klinik Bolasepak PKNP FC adalah program tanggungjawab sosial korporat yang dianjurkan oleh Kumpulan PKNP bersempena Program Pemukiman YAB Menteri Besar Perak di Daerah Perak Tengah. Seramai 100 orang peserta berusia 10 tahun sehingga 12 tahun terlibat.



25 MAC**Festival Busking 2017 Di Bulatan Amanjaya**

Festival ini menentang bakat-bakat pemuzik busker sekitar Ipoh yang memberikan persembahan menarik. Program ini juga mengumpulkan peminat-peminat serta merapatkan lagi hubungan di antara peminat dan busker kegemaran mereka.

**4 APRIL****Pemain PKNP FC Dan Perak FA Tandatangani Ikrar Bebas Rasuah Bersama SPRM**

Pemain PKNP FC bersama Persatuan Bola Sepak Perak (PAFA) menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) di sini hari ini dalam usaha menjadikan persatuan bola sepak itu bebas daripada gejala rasuah. Inisiatif ini sekaligus memperlihatkan kesungguhan pengurusan PAFA dan PKNP FC dalam memastikan pentadbiran persatuan dilaksanakan dengan lebih telus serta berintegriti.

**18 APRIL****Klinik Bola Sepak PKNP FC Di SK Sultan Abdul Aziz Di Daerah Hilir Perak**

Klinik Bolasepak PKNP FC adalah siri program tanggungjawab sosial korporat yang dianjurkan oleh Kumpulan PKNP bersempena Program Pemukiman YAB Menteri Besar di Daerah Hilir Perak. Seramai 100 orang peserta berusia 10 tahun sehingga 12 tahun terlibat.



20 APRIL

Lawatan Kerja Ahli Dewan Undangan Negeri Perak (ADUN) Ke Movie Animation Park Studios (MAPS)

Lawatan kerja ADUN ke MAPS ini adalah bagi melihat perkembangan terkini pembangunan taman tema tersebut. Para ADUN juga berkesempatan untuk bertanyakan status pembukaan dan hal-hal yang berkaitan.

**23 - 30 APRIL**

Ipoh Cycle Fest 2017

Festival basikal terbesar di Asia telah memilih Ipoh sebagai destinasi pada tahun 2017. Festival berlangsung di Bulatan Amanjaya dengan pelbagai aktiviti seperti karnival, ekspo, perlumbaan mini dan juga pameran basikal-basikal yang telah diubahsuai.

**16 MEI**

Lawatan Rasmi YB Dato' Mustapa Bin Mohamed, Menteri Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI) Ke Movie Animation Park Studios (MAPS)

Lawatan YB Dato' Mustapa Bin Mohamed ke MAPS adalah untuk membincangkan cadangan program bagi menarik minat pihak pelabur ke MAPS.



16 MEI

Klinik Bola Sepak PKNP FC Di SMK Clifford Di Daerah Kuala Kangsar

Klinik Bola Sepak PKNP FC adalah siri program tanggungjawab sosial korporat yang dianjurkan oleh Kumpulan PKNP bersempena Program Pemukiman YAB Menteri Besar di Daerah Kuala Kangsar. Seramai 120 orang peserta yang terlibat berusia dalam lingkungan umur 10 tahun sehingga 12 tahun.

**17 MEI**

Majlis Perasmian Dataran Amanjaya Manong, Kuala Kangsar

Majlis perasmian ini dilaksanakan bersempena dengan Program Pemukiman YAB Menteri Besar di Daerah Kuala Kangsar. Ini adalah Dataran Amanjaya ke-9 yang telah siap dan sudah beroperasi.

**2 JUN**

Majlis Berbuka Puasa Bersama Anak-Anak Yatim Rumah Ar-Ridhwani, Chemor Dan Rumah Dahikmah, Gopeng Di Hotel Casuarina@Meru

Program berbuka puasa ini adalah bertujuan berkongsi rezeki keberkatan bulan Ramadhan bersama anak-anak yatim dari Rumah Ar-Ridhwan, Chemor dan Rumah Dahikmah, Gopeng.



7 JUN

Majlis Berbuka Puasa Bersama Anak-Anak Yatim Bait Al-Amin, Parit Di Lanai Cempaka Sari@Parit

Program ini berjaya mengumpulkam seramai 50 orang anak-anak yatim dari Bait Al-Amin, Parit di Lanai Cempaka Sari@Parit yang dihadiri oleh Ketua Eksekutif Kumpulan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak.

**21 JUN**

Majlis Berbuka Puasa Dan Solat Tarawih PKNP FC

Program ini bertujuan bagi merapatkan hubungan dalam kalangan pemain-pemain PKNP FC bersama masyarakat setempat.

**22 JUN**

Program Beli Baju Raya Bersama Anak Yatim Dan Miskin Di Kompleks Megopleks

Program ini dijalankan untuk meraikan anak-anak yatim dan golongan yang kurang bernasib baik agar sambutan Hari Raya Aidilfitri dapat disambut dengan lebih gembira.



26 JUN

Pra Pembukaan Movie Animation Park Studios (MAPS) Pada Hari Raya Aidilfitri Ke-2

MAPS telah memulakan pra-operasinya pada 26 Jun sempena Hari Raya Aidilfitri yang ke-2. Seramai 3,000 orang pengunjung dianggarkan melawat taman tema ini pada hari pertama pembukaannya.

**19 JULAI**

Majlis Perasmian Dataran Amanjaya Slim Village, Slim River

YAB Menteri Besar Perak merasmikan Dataran Amanjaya Slim Village, dataran yang ke-10 siap dibina dan beroperasi sepenuhnya selepas Dataran Amanjaya Manong, Kuala Kangsar.

**3 OGOS**

Forum Perdana Hal Ehwal Islam : Sambutan Ulang Tahun PKNP Ke-50

Forum ini diadakan bersempena sambutan ulangtahun penubuhan PKNP yang ke-50. Panel forum ini terdiri daripada Y.Bhg. Dato' Ustaz Kazim Elias dan Y.Bhg. Dato' Ustaz Badli Shah Alauddin.



6 OGOS

**Mini Gemaputera
Tenpin Bowling**

PKNP menganjurkan sukan mini Gemaputera bagi sukan boling yang menghimpunkan penyertaan perbadanan kemajuan negeri dari seluruh Malaysia bagi persediaan menuju Kejohanan Gemaputera ke-15 di Perlis pada tahun 2018.



21 OGOS

**Perasmian Labu
Sayong Signature
Di Bandar Meru Raya**

Restoran Labu Sayong Signature@Meru bertempat di salah sebuah Restoran Rumah Tradisional Melayu (RRTM) yang terletak bersebelahan Bulatan Amanjaya. Restoran ini menyajikan masakan tradisional Negeri Perak dalam usaha menarik pelancong datang ke Bandar Meru Raya.

MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN

31 OGOS

**Kontinjen Kawad
Kumpulan PKNP
Sempena Hari
Kebangsaan 2017
Peringkat Negeri Perak**

PKNP menghantar satu kontinjen kawad dengan kekuatan seramai 55 orang bagi mewakili PKNP di dalam perbarisan Hari Kebangsaan 2017 Peringkat Negeri Perak. Kontinjen PKNP telah berjaya mempertahankan kejuaraan bagi kategori Badan Berkanun yang pertama kali dimenangi pada tahun 2016.



26 SEPTEMBER

Program Motivasi Pelajar Tingkatan 6 Di SJKC Yin Sing, Malim Nawar

Sempena Program Pemukiman YAB Menteri Besar Perak di Daerah Batang Padang dan Kampar, PKNP telah menganjurkan program motivasi pelajar Tingkatan 6 bertempat di SJKC Yin Sing, Malim Nawar bagi memberi semangat dan motivasi kepada para pelajar.

**27 SEPTEMBER**

Program Pembangunan Usahawan

Program ini bertujuan untuk memberi nasihat dan panduan kepada para usahawan dalam menjalankan perniagaan mereka sempena Program Pemukiman YAB Menteri Besar Perak di Daerah Batang Padang dan Kampar.

**28 SEPTEMBER**

Majlis Perasmian Dataran Amanjaya Temoh, Tapah Sempena Program Pemukiman Daerah Batang Padang Dan Kampar

YAB Menteri Besar Perak merasmikan Dataran Amanjaya Temoh yang merupakan dataran ke-11 siap dibina dan beroperasi sepenuhnya selepas Dataran Slim Village, Slim River.



24 OKTOBER**Klinik Bola Sepak PKNP FC Di SK Seri Manjung**

Klinik Bola Sepak PKNP FC adalah program tanggungjawab sosial korporat yang dianjurkan oleh Kumpulan PKNP bersempena Program Pemukiman YAB Menteri Besar di Daerah Bagan Datuk. Penganjuran klinik bola sepak yang bertempat di SK Seri Manjung ini merupakan satu usaha menjenamakan badan korporat ini melalui kelab bola sepaknya iaitu PKNP FC.

**26 OKTOBER****Majlis Perasmian Dataran Amanjaya Lekir Sempena Program Pemukiman Daerah Manjung**

YAB Menteri Besar Perak merasmikan Dataran Amanjaya Lekir, Sitiawan sempena program pemukiman YAB Menteri Besar di Daerah Manjung. Dataran Amanjaya ini adalah yang ke-12 siap dibina selepas Dataran Amanjaya Temoh, Tapah.

**20 NOVEMBER****Lawatan Kerja Delegasi Sarawak (SEDC) Di Bandar Meru Raya**

Perbadanan Pembangunan Negeri Sarawak (SEDC) telah mengadakan lawatan kerja ke PKNP untuk bertukar-tukar pendapat dan pandangan terhadap dasar dan pelaksanaan masing-masing dalam memacu pertumbuhan ekonomi negeri.



31 DISEMBER**Sambutan Malam Tahun Baru 2018 Di Bulatan Amanjaya**

Ambang 2018 disambut meriah di Bulatan Amanjaya dengan persembahan artis-artis terkenal serta pertunjukan bunga api.





مريدان كمجان نكزي فراق
KUMPULAN PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

> **PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan pada 31 Disember 2017 dan Penyata Pendapatan Komprehensif Disatukan, Penyata Perubahan Ekuiti Disatukan serta Penyata Aliran Tunai Disatukan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 76.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Kumpulan pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Enakmen Negeri Perak Bil. 3 Tahun 1967.

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Perbadanan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Perbadanan Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Perbadanan bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Enakmen Negeri Perak Bil. 3 Tahun 1967. Ahli Perbadanan juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Kumpulan, Ahli Perbadanan bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Menenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau

kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Perbadanan.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Perbadanan dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Perbadanan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Enakmen Negeri Perak Bil. 3 Tahun 1967, saya juga melaporkan perkara berikut:

- a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Enakmen untuk disimpan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan subsidiarinya yang mana kami telah bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Enakmen.
- b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 13 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.
- c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.
- d. Laporan Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Ahli Perbadanan dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA

27 OGOS 2018




PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah

Kami **Y.A.B Tuan Ahmad Faizal bin Dato' Azumu** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, penyata kedudukan kewangan, **penyata** pendapatan komprehensif, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota didalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan kumpulannya pada 31 Disember 2017 dan juga penghasilan serta aliran tunai Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan kumpulannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



.....
Y.A.B TUAN AHMAD FAIZAL BIN DATO' AZUMU
Pengerusi

Bagi pihak Lembaga,



.....
Y.B. DATO' HAJI ABU BAKAR BIN HAJI SAID
Ahli Lembaga Pengarah

Tarikh : **12 4 AUG 2018**
Ipoh, Perak Darul Ridzuan

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS
PENGURUSAN KEWANGAN PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK**


Saya, **Mohd Ariff bin Yeop Ishak**, No: kad pengenalan 640804-08-6299 pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas rekod perakaunan dan pengurusan kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dengan ikhlasnya mengakui bahawa penyata kedudukan kewangan, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah betul dan saya membuat akuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan menurut peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas **Mohd Ariff bin Yeop Ishak** di Ipoh dalam Negeri Perak Darul Ridzuan pada **24 AUG 2018**

)
)
)
)



Dihadapan saya,



E-G-1, Greentown Square,
Jalan Dato Seri Ahmad Said,
30450 Ipoh, Perak Darul Ridzuan
Tel: 012-5186386

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF DISATUKAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

	Nota	KUMPULAN		PERBADANAN	
		2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Pendapatan	3	230,238,547	221,081,813	96,847,951	45,587,344
Kos jualan	4	(121,848,892)	(77,502,570)	(50,832,679)	(8,588,171)
Keuntungan kasar		108,389,655	143,579,243	46,015,272	36,999,173
Pendapatan faedah	5	1,839,989	3,090,185	21,668,792	497,791
Lain-lain pendapatan	6	11,428,935	33,146,154	20,967,952	19,264,261
Perbelanjaan pentadbiran		(151,714,343)	(108,239,793)	(14,402,577)	(16,387,605)
Rosot nilai pelaburan		-	-	(1,417,004)	-
Lain-lain perbelanjaan		(336,441,495)	(50,963,375)	(42,071,378)	(14,951,917)
(Kerugian)/Keuntungan operasi		(366,497,259)	20,612,414	30,761,057	25,421,703
Kos kewangan	7	(37,058,318)	(10,620,209)	(5,476,135)	(7,217,497)
(Kerugian)/Keuntungan dari syarikat bersekutu		(7,459,401)	79,942	-	-
(Kerugian) dari entiti bersama		-	(585,715)	-	-
(Kerugian)/Keuntungan sebelum cukai	8	(411,014,978)	9,486,432	25,284,922	18,204,206
Cukai pendapatan	9	(28,452,004)	(19,649,862)	(7,515,064)	(286,612)
(Kerugian)/Keuntungan bersih selepas cukai		(439,466,982)	(10,163,430)	17,769,858	17,917,594
Keuntungan dari pemberhentian operasi		1,073,558	2,586,699	-	-
(Kerugian)/Keuntungan bagi tahun		(438,393,424)	(7,576,731)	17,769,858	17,917,594
Pelbagai pendapatan komprehensif :					
- (Rugi)/untung nilai saksama aset kewangan sedia dijual		(1,527,266)	(3,479,849)	(1,501,409)	(2,686,732)
- Nilai saksama dipindahkan ke akaun untung rugi masa pelupusan		-	-	-	-
		(1,527,266)	(3,479,849)	(1,501,409)	(2,686,732)
Jumlah pendapatan komprehensif		(439,920,690)	(11,056,580)	16,268,449	15,230,862

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF DISATUKAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)**

	KUMPULAN		PERBADANAN	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
(Kerugian)/Keuntungan diagihkan kepada :				
Pemilik syarikat induk	(184,521,289)	3,253,984	17,769,858	17,917,594
Kepentingan bukan kawalan	(253,872,135)	(14,310,564)	-	-
	<u>(438,393,424)</u>	<u>(11,056,580)</u>	<u>17,769,858</u>	<u>17,917,594</u>
Jumlah komprehensif (perbelanjaan)/pendapatan diagihkan kepada :				
Pemilik syarikat induk	(186,048,555)	6,733,833	16,268,449	15,230,862
Kepentingan bukan kawalan	(253,872,135)	(14,310,564)	-	-
	<u>(439,920,690)</u>	<u>(7,576,731)</u>	<u>16,268,449</u>	<u>15,230,862</u>

Nota-nota yang dikemukakan pada muka surat 81 hingga 148 adalah merupakan sebahagian dari akaun ini dan perlu dibaca bersama-sama dengannya

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN DISATUKAN PADA 31 DISEMBER 2017

Aset	Nota	KUMPULAN		PERBADANAN	
		2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Aset bukan semasa					
Hartanah, loji dan peralatan	10	518,359,205	627,387,753	38,861,068	39,575,406
Hartanah, loji dan peralatan pelabuhan	11	114,451,309	94,736,321	-	-
Inventori	12	215,081,943	238,883,188	5,992,809	29,804,537
Kepentingan dalam syarikat subsidiari	13	-	-	341,514,255	342,431,257
Kepentingan dalam syarikat bersekutu	14	11,259,484	10,390,119	2,030	2,030
Pelaburan hartanah	16	10,293,366	10,458,878	-	-
Pelaburan lain	17	40,243,931	51,132,384	-	9,403,564
Pelaburan sekuriti	18	3,055,021	3,091,096	-	-
Pelbagai penghutang	21	429,156	-	-	-
Aset tidak nyata	19	93,251,136	74,390,653	-	-
		<u>1,006,424,551</u>	<u>1,110,470,392</u>	<u>386,370,162</u>	<u>421,216,794</u>
Aset semasa					
Inventori	12	310,710,996	287,199,611	45,677,267	54,231,627
Penghutang perdagangan	20	64,007,693	50,003,000	2,460,393	1,360,259
Pelbagai penghutang	21	50,969,306	121,230,138	272,552,686	124,272,601
Cukai boleh pulih		5,645,717	13,073,429	-	-
Pelaburan lain	17	475,365	-	56,829	-
Pelaburan jangka pendek	22	-	1,819,813	-	637,242
Tunai dan baki di bank	23	38,505,237	106,428,971	1,329,875	4,531,273
		<u>470,314,314</u>	<u>579,754,962</u>	<u>322,077,050</u>	<u>185,033,002</u>
Jumlah aset		<u>1,476,738,865</u>	<u>1,690,225,354</u>	<u>708,447,212</u>	<u>606,249,796</u>

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN DISATUKAN PADA 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

		KUMPULAN		PERBADANAN	
		2017	2016	2017	2016
		RM	RM	RM	RM
Ekuiti dan tanggungan					
	Nota				
Tanggungan semasa					
Pemiutang perdagangan	24	19,161,985	23,480,731	-	-
Pelbagai pemiutang dan akruan	24	181,445,316	89,783,707	173,095,937	101,686,383
Peruntukan kerja dalam kemajuan		447,119	447,019	-	-
Pendapatan tertunda	25	35,934,559	14,679,877	12,361,900	5,033,966
Pinjaman dan peminjaman	26	458,508,544	192,574,638	40,520,000	40,520,000
Peruntukan cukai		14,428,821	6,225,480	8,746,419	1,255,161
		<u>709,926,344</u>	<u>327,191,452</u>	<u>234,724,256</u>	<u>148,495,510</u>
Aset semasa bersih		<u>(239,612,030)</u>	<u>252,563,510</u>	<u>87,352,794</u>	<u>36,537,492</u>
Tanggungan bukan semasa					
Pelbagai pemiutang dan akruan	24	28,032,727	16,804,128	10,281,317	10,554,128
Pendapatan tertunda	25	943,964	970,932	943,964	970,932
Pinjaman dan peminjaman	26	132,733,108	305,136,455	-	-
Tanggungan cukai tertunda	27	40,310,014	39,574,648	-	-
		<u>202,019,813</u>	<u>362,486,163</u>	<u>11,225,281</u>	<u>11,525,060</u>
Jumlah liabiliti		<u>911,946,157</u>	<u>689,677,615</u>	<u>245,949,537</u>	<u>160,020,570</u>
Aset bersih		<u>564,792,708</u>	<u>1,000,547,739</u>	<u>462,497,675</u>	<u>446,229,226</u>
Ekuiti yang berkaitan dengan pemilik syarikat induk					
Rizab nilai saksama pelaburan	28	22,167,183	23,694,449	-	1,501,409
Keuntungan terkumpul		<u>354,525,333</u>	<u>532,376,004</u>	<u>462,497,675</u>	<u>444,727,817</u>
		<u>376,692,516</u>	<u>556,070,453</u>	<u>462,497,675</u>	<u>446,229,226</u>
Pegangan bukan kawalan		188,100,192	444,477,286	-	-
Jumlah ekuiti		<u>564,792,708</u>	<u>1,000,547,739</u>	<u>462,497,675</u>	<u>446,229,226</u>
Jumlah ekuiti dan tanggungan		<u>1,476,738,865</u>	<u>1,690,225,354</u>	<u>708,447,212</u>	<u>606,249,796</u>

Nota-nota yang dikemukakan pada muka surat 81 hingga 148 adalah merupakan sebahagian dari akaun ini dan perlu dibaca bersama-sama dengannya

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI DISATUKAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

2017	Jumlah Ekuiti RM	Ekuiti Jumlah Induk RM	Rizab Modal RM	Keuntungan Terkumpul RM	Rizab Nilai Saksama Pelaburan RM	Kepentingan Minoriti RM
KUMPULAN						
Pada 1 Januari 2016	1,008,581,646	546,086,974	4,816,556	531,712,849	9,557,569	462,494,672
Tambahan/(Kurangan)	(16,218,543)	12,800,173	(4,816,556)	-	17,616,729	(29,018,716)
Jumlah pendapatan komprehensif	17,564,547	3,253,983	-	6,733,832	(3,479,849)	14,310,564
Perubahan kepada pemilikan dalam subsidiari	929,323	929,323	-	929,323	-	-
Dividen dibayar kepada pegangan bukan kawalan	(3,309,234)	-	-	-	-	(3,309,234)
Pengagihan dana kepada kerajaan negeri	(7,000,000)	(7,000,000)	-	(7,000,000)	-	-
Pada 31 Disember 2016	1,000,547,739	556,070,453	-	532,376,004	23,694,449	444,477,286
Tambahan/(Kurangan)	(2,504,959)	-	-	-	-	(2,504,959)
Jumlah pendapatan komprehensif	(439,920,690)	(186,048,555)	-	(184,521,289)	(1,527,266)	(253,872,135)
Perubahan kepada pemilikan dalam subsidiari	6,670,618	6,670,618	-	6,670,618	-	-
Pada 31 Disember 2017	564,792,708	376,692,516	-	354,525,333	22,167,183	188,100,192

Nota-nota yang dikemukakan pada muka surat 81 hingga 148 adalah merupakan sebahagian dari akaun ini dan perlu dibaca bersama-sama dengannya

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI DISATUKAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

	Jumlah Ekuiti RM	Rizab Modal RM	Keuntungan Terkumpul RM	Rizab Nilai Saksama Pelaburan RM
PERBADANAN				
Pada 1 Januari 2016	442,814,920	4,816,556	433,810,223	4,188,141
Tambahan/(Kurangan)	(4,816,556)	(4,816,556)	-	-
Jumlah komprehensif pendapatan	15,230,862	-	17,917,594	(2,686,732)
Pengagihan dana kepada kerajaan negeri	(7,000,000)	-	(7,000,000)	-
Pada 31 Disember 2016	446,229,226	-	444,727,817	1,501,409
Tambahan/(Kurangan)	-	-	-	-
Jumlah komprehensif pendapatan	16,268,449	-	17,769,858	(1,501,409)
Pada 31 Disember 2017	462,497,675	-	462,497,675	-

Nota-nota yang dikemukakan pada muka surat 81 hingga 148 adalah merupakan sebahagian dari akaun ini dan perlu dibaca bersama-sama dengannya

PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	KUMPULAN		PERBADANAN	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Aktiviti-aktiviti operasi				
Penerimaan dari penghutang	288,861,224	142,553,720	93,796,172	56,745,623
Penerimaan/bayaran daripada/ (kepada) induk/ berkaitan		-	(83,883,855)	2,875,273
Penerimaan daripada pelbagai pendapatan	8,515,166	7,041,061	2,799,758	2,037,623
Bayaran untuk pekerja	(69,607,383)	(61,670,208)	(11,785,391)	(13,569,745)
Bayaran untuk pelbagai perbelanjaan	(51,672,916)	(49,711,038)	(7,069,094)	(13,810,867)
Bayaran kepada pembekal/ pemiutang	(93,740,747)	(109,000,070)	(1,336,662)	-
Bayaran cukai	(17,657,383)	(21,906,785)	(173,274)	(3,559,951)
Aliran tunai bersih daripada /(digunakan) aktiviti operasi	64,697,961	(92,693,320)	(7,652,346)	30,717,956
Aktiviti-aktiviti pelaburan				
Dividen diterima	28,149	437,353	-	4,286,909
Faedah diterima	4,352,880	5,721,287	106,612	497,750
Hasil daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan	843,426	10,160,851	-	-
Hasil daripada pelupusan pelaburan	15,045,328	12,790,014	-	-
Hasil daripada pelupusan operasi lain	-	29,346,414	14,981,753	-
Pembelian pelaburan lain	(1,381,243)	(1,100,000)	(150,000)	-
Pembelian hartanah, loji	(117,199,112)	(81,348,254)	-	-
Pembelian kemudahan pelabuhan	(80,071,661)	(8,180,218)	-	-
Pembelian kos pembangunan	(12,233,307)	(38,687,780)	(7,225,125)	(36,687,742)
Aliran tunai bersih daripada /(digunakan) aktiviti pelaburan	(190,615,540)	(70,860,333)	7,713,240	(31,903,083)
Aktiviti-aktiviti pembiayaan				
Penerimaan pinjaman	106,078,782	196,678,520	-	-
Penerimaan rizab/geran	-	2,734,124	-	2,734,124
Pembayaran balik pinjaman	(14,553,595)	(16,970,989)	-	-
Dividen dibayar kepada pegangan bukan kawalan	-	(18,309,233)	-	-
Pembayaran sewabeli	(41,458)	(88,700)	-	-
Pembayaran faedah	(38,254,886)	(24,580,822)	(152,449)	(2,529,607)
Deposit tetap ditebus semula /(ditempatkan)	2,397,977	7,351,971	(3,109,843)	-
Deposit tetap dicagarkan	-	-	-	-
Aliran tunai bersih daripada /(digunakan) aktiviti pembiayaan	55,626,820	146,814,871	(3,262,292)	204,517

PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

	KUMPULAN		PERBADANAN	
	2017	2016	2017	2016
	RM	RM	RM	RM
Peningkatan/(pengurangan) bersih dalam tunai dan setara tunai	(70,290,759)	(16,738,782)	(3,201,398)	(980,610)
Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari	106,428,972	113,988,327	4,531,273	5,511,883
Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember	36,138,213	97,249,545	1,329,875	4,531,273
Tunai dan setara tunai terdiri daripada:				
Wang tunai dan baki dibank	10,833,003	47,609,761	1,329,875	4,531,273
Deposit dengan bank berlesen	27,672,234	58,819,210	-	-
	38,505,237	106,428,971	1,329,875	4,531,273
Deposit dengan bank berlesen dengan tempoh matang lebih daripada tiga bulan	-	-	-	-
Deposit yang dicagarkan untuk jaminan dan kemudahan perbankan lain yang diberikan kepada subsidiari	-	(5,507,820)	-	-
Overdraf	(2,367,024)	(3,671,606)	-	-
	36,138,213	97,249,545	1,329,875	4,531,273

Nota-nota yang dikemukakan pada muka surat 81 hingga 148 adalah merupakan sebahagian dari akaun ini dan perlu dibaca bersama-sama dengannya

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2017

1.0 Maklumat Korporat

Kegiatan utama Perbadanan adalah menjana pembangunan infrastruktur hartanah & bandar baru, pembangunan pengilangan, penggalakan perindustrian, perhotelan & pelancongan dan penggalakan pembangunan ICT samada melalui usahasama atau sendirian serta memiliki & mengurus pelaburan dalam syarikat-syarikat.

Perbadanan telah diwujudkan melalui Enakmen Negeri Perak No. 3/1967 dengan tujuan utama sebagai agensi pembangunan ekonomi bagi Negeri Perak.

Perbadanan menjalankan aktivitinya di alamat berdaftar No1-A, Blok A dan Blok B, Menara PKNP, Jalan Meru Casuarina, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak Darul Ridzuan. Kegiatan utama syarikat-syarikat subsidiari dan bersekutu dinyatakan dalam Nota 13 dan 14 kepada penyata kewangan.

Penyata Kewangan Perbadanan dilaporkan di dalam Ringgit Malaysia sebagai mata wang fungsian.

2.0 Asas penyediaan

Penyata kewangan Perbadanan dan Kumpulan telah disediakan berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

Polisi-polisi perakaunan yang diterima pakai adalah konsisten dengan tahun kewangan yang lepas kecuali seperti berikut :

Pada 1 Januari 2017, Perbadanan dan Kumpulan telah menerima pakai penambahbaikan kepada MFRS yang diwajibkan bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2017 :

- Pindaan kepada MFRS 107, Penyata Aliran Tunai - Inisiatif Pendedahan
- Pindaan kepada MFRS 112, Cukai Pendapatan - Pengiktirafan Aset Cukai Tertunda Bagi Kerugian Belum Direalisasi
- Penambahbaikan Tahunan kepada Kitaran MFRS 2014-2016
- Pindaan kepada MFRS 12 – Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti-entiti Lain

Berikut adalah piawaian perakaunan, pindaan dan interpretasi MFRS yang telah dikeluarkan oleh Badan Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") tetapi belum berkuatkuasa sehingga tarikh penyata kewangan ini ;

MFRS, Interpretasi dan pindaan berkuatkuasa untuk tempoh kewangan pada atau selepas 1 Januari 2018

- MFRS 9, Instrumen Kewangan
- MFRS 15, Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan
- IC Interpretasi 22, Urusniaga Mata Wang Asing dan Pertimbangan Pendahuluan
- Pindaan kepada MFRS 2, Bayaran Berasaskan Perkongsian - Klasifikasi dan Ukuran kepada Bayaran Berasaskan Perkongsian
- Pindaan kepada MFRS 140, Pelaburan Hartanah - Pemindahan Pelaburan Hartanah
- Penambahbaikan Tahunan kepada Kitaran MFRS 2014-2016

2.0 Asas penyediaan (sambungan)

MFRS, Interpretasi dan pindaan berkuatkuasa untuk tempoh kewangan pada atau selepas 1 Januari 2019

- Pindaan kepada MFRS 128, Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu dan Syarikat Usahasama
- MFRS 16, Pajak
- Pindaan kepada MFRS 9, Bayaran Pendahuluan dengan Pampasan Negatif
- Penambahbaikan Tahunan kepada Kitaran MFRS 2015-2017
- Pindaan kepada MFRS 119, Pindaan Pelan, Penangguhan atau Penyelesaian
- IC Interpretasi 23, Ketidakpastian mengenai Pengolahan Cukai Pendapatan
- MFRS 17, Kontrak Insurans
- Pindaan kepada MFRS 3, Gabungan Perniagaan
- Pindaan kepada MFRS 11, Pengaturan Bersama
- Pindaan kepada MFRS 112, Cukai Pendapatan

MFRS, Interpretasi dan pindaan berkuatkuasa untuk tempoh kewangan pada atau selepas satu tarikh yang belum dipastikan lagi

- Pindaan kepada MFRS 10 dan MFRS 128, Penjualan Aset antara Pelabur, Bersekutu dan Usahasama

Pemakaian awal piawaian perakaunan, pindaan atau tafsiran ini dijangka tidak mempunyai sebarang kesan kewangan yang besar pada tempoh semasa dan penyata kewangan masa terdahulu kumpulan kecuali yang disebutkan di bawah:

MFRS 9, Instrumen kewangan

MFRS 9 akan menggantikan MFRS 139, Instrumen kewangan: Pengiktirafan dan pengukuran mengenai klasifikasi dan pengukuran aset dan liabiliti kewangan, dan perakaunan lindung nilai.

MFRS 15, Hasil daripada kontrak dengan pelanggan

MFRS 15 menggantikan MFRS 111, Kontrak binaan, MFRS 118, Hasil

MFRS 16, Pajak

MFRS 16 menggantikan MFRS 117, Pajak, IC Interpretasi 115, Operasi pajak-insentif dan IC Interpretasi 127, Menilai bahan dalam urusan yang melibatkan satu bentuk undang-undang dalam pajak.

2.1 Dasar-Dasar Perakaunan Utama

(a) Asas Perakaunan

Penyata kewangan Perbadanan telah disediakan berdasarkan asas konvensyen kos sejarah melainkan dinyatakan sebaliknya sebagaimana dinyatakan dalam dasar-dasar perakaunan utama di bawah dan menurut piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia.

(b) Asas Penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan terdiri daripada penyata kewangan Perbadanan dan penyata kewangan pengurusan atau beraudit subsidiari pada tarikh laporan kecuali dinyatakan sebaliknya dalam nota 13 dan 14 kepada Penyata Kewangan. Urusniaga di antara syarikat telah dihapus kira semasa penyatuan dan akaun-akaun disatukan hanya mencerminkan urusniaga dengan pihak ketiga sahaja.

Polisi perakaunan yang diguna pakai oleh Perbadanan dan anak syarikat adalah berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS).

(c) Subsidiari

Subsidiari adalah entiti di mana Perbadanan mempunyai kuasa untuk mentadbir dasar-dasar kewangan dan operasi untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktivitinya.

Dalam Penyata Kedudukan Kewangan Perbadanan, pelaburan dalam subsidiari diambil kira pada kos ditolak rosot nilai terkumpul. Subsidiari disatukan berdasarkan kaedah pengambilalihan atau perakaunan ekuiti. Hasil kendalian subsidiari diperolehi atau dilupuskan dalam tahun kewangan semasa termasuk di dalam penyata kewangan disatukan bermula pada tarikh efektif pemerolehan atau pada tarikh pelupusan dan keputusan syarikat subsidiari yang diambil alih atau dijual di sepanjang tahun ini diambil kira dalam Penyata Pendapatan Komprehensif Disatukan dari tarikh pengambilalihan atau sehingga tarikh penjualan.

Perbezaan di antara pengambilalihan dan nilai saksama harta bersih subsidiari ditunjukkan mengikut kesesuaian sebagai muhibbah atau rizab atas penyatuan. Subsidiari disatukan dari tarikh pengambilalihan, iaitu tarikh di mana Perbadanan mempunyai kuasa dan akan terus disatukan sehingga tarikh kawalan tersebut tamat. Jumlah keuntungan dan/atau kerugian subsidiari dimasukkan di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif Disatukan dan bahagian keuntungan dan/atau kerugian pemegang saham bukan kawalani ditolakkan untuk memperolehi keuntungan yang boleh diagihkan kepada Perbadanan. Manakala jumlah aset dan tanggungan subsidiari dimasukkan ke dalam Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan dan kepentingan pemegang saham bukan kawalan dalam aset bersih dinyatakan secara berasingan. Semua urusniaga dan baki syarikat dihapuskan semasa penyatuan.

Subsidiari Perbadanan disenaraikan di dalam nota 13 kepada Penyata Kewangan.

(d) Bersekutu

Syarikat bersekutu adalah entiti bukan subsidiari atau usahasama, di mana Kumpulan mempunyai pengaruh besar dalam pengurusannya. Syarikat bersekutu adalah ekuiti yang diambil kira dari tarikh Kumpulan mempunyai pengaruh penting sehingga tarikh Kumpulan tidak lagi mempunyai pengaruh penting ke atas syarikat bersekutu.

2.1 Dasar-Dasar Perakaunan Utama (sambungan)

(d) Bersekutu (sambungan)

Pelaburan Kumpulan dalam syarikat bersekutu diambil kira dengan menggunakan kaedah ekuiti. Di bawah kaedah ekuiti, pelaburan dalam syarikat bersekutu dikira dalam penyata kedudukan kewangan pada kos ditambah bahagian keuntungan terkumpul dan rizab/muhibbah selepas pengambilalihan.

Dalam Penyata Pendapatan Komprehensif Disatukan, bahagian keuntungan atau kerugian berdasarkan penyata kewangan pengurusan atau penyata kewangan beraudit untuk syarikat bersekutu dimasukkan dalam penyata pendapatan disatukan. Tetapi sekiranya nilai bersih pelaburan dalam syarikat bersekutu mencapai tahap sifar, sebarang keuntungan atau kerugian tidak akan dimasukkan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif Disatukan kecuali jika Kumpulan menanggung tanggungjawab atau menjamin tanggungjawab bagi syarikat bersekutu berkenaan.

Syarikat bersekutu Kumpulan disenaraikan di dalam nota 14 kepada Penyata Kewangan.

(e) Entiti Usahasama

Entiti usahasama adalah usahasama yang melibatkan penubuhan perkongsian atau entiti lain di mana Kumpulan mempunyai kepentingan bersama ke atas aktiviti ekonomi secara persetujuan kontrak. Pelaburan dalam entiti usahasama diambilkira dalam Penyata Pendapatan Komprehensif Disatukan menggunakan kaedah ekuiti berdasarkan penyata kewangan pengurusan atau beraudit untuk entiti usahasama tersebut. Mengikut kaedah perakaunan ekuiti, bahagian keuntungan Kumpulan ditolak kerugian usahasama dalam tahun dimasukkan ke dalam Penyata Pendapatan Komprehensif Disatukan. Kepentingan Kumpulan di dalam entiti usahasama dinyatakan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan pada kos dicampur perkongsian kumpulan dalam keuntungan atau kerugian terkumpul dan lain-lain rizab semasa pengambilalihan.

Syarikat entiti usahasama Kumpulan disenaraikan di dalam nota 15 kepada Penyata Kewangan.

(f) Urus Niaga dengan Kepentingan Bukan Kawalan

Kepentingan bukan kawalan mewakili bahagian keuntungan atau kerugian dan aset bersih dalam subsidiari yang tidak dipegang secara langsung atau tidak langsung oleh Kumpulan. Kepentingan bukan kawalan dibentangkan secara berasingan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif Disatukan, di dalam Penyata Perubahan Ekuiti Disatukan dan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan secara berasingan daripada ekuiti pemegang saham induk.

(g) Aset-aset Tidak Nyata

(a) Muhibbah

Muhibbah pada mulanya diukur pada kos. Berikutan pengiktirafan awal, muhibbah diukur pada kos ditolak kerugian rosot nilai terkumpul. Bagi tujuan pengujian kemerosotan nilai, muhibbah yang diperoleh diperuntukkan, dari tarikh pengambilalihan, kepada setiap unit penajaan tunai Kumpulan yang dijangka akan mendapat manfaat daripada sinergi kombinasi tersebut. Muhibbah diuji untuk kemerosotan nilai sekurang-kurangnya setiap tahun atau jika perkembangan ataupun persekitaran yang terjadi mencerminkan kemerosotan nilai mungkin berlaku.

2.1 Dasar-Dasar Perakaunan Utama (sambungan)

(g) Aset-aset Tidak Nyata (sambungan)

(b) Hak Harta Intelek ("IP")

Pemerolehan IP termasuk pemerolehan lesen, diukur pada kos tolak sebarang pelunasan terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul. Hak harta intelek dengan tempoh hayat berguna adalah dilunaskan menggunakan kaedah garis lurus ke atas anggaran tempoh hayat berguna aset di antara 3 ke 3.5 tahun.

(h) Hartanah, Loji dan Peralatan serta Susutnilai

Semua hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul. Kos sesuatu hartanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset jika terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan perkara tersebut akan mengalir kepada Kumpulan dan kos tersebut boleh diukur dengan pasti.

Selepas pengiktirafan, hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul. Hartanah, loji dan peralatan yang dipegang dan tidak digunakan adalah dinyatakan pada nilai buku bersih pada tarikh penggunaan aktif dihentikan, jika ada.

Tanah pegangan bebas mempunyai hayat tidak terhad dan maka dengan itu ianya tidak disusutnilai. Susut nilai hartanah, loji dan peralatan diperuntukkan atas asas garis lurus bagi tempoh jangka hayat boleh guna pada kadar tahunan berikut :

Bangunan dan rumah kedai	25 - 50 tahun
Kilang dan Jentera	5 - 10 tahun
Peralatan pejabat	5 - 10 tahun
Perabot dan kelengkapan	5 - 20 tahun
Kenderaan bermotor	4 - 10 tahun
Pengubahsuaian	50 tahun
Panel Solar	20 tahun

Aset di bawah modal kerja dalam pelaksanaan tidak disusutnilai kerana aset-aset masih belum sedia untuk digunakan.

Nilai bawaan hartanah, loji dan peralatan disemak semula untuk rosot nilai apabila wujud keadaan menunjukkan bahawa nilai dibawa tidak boleh diperolehi semula.

Nilai sisa, hayat berguna dan kaedah susut nilai dikaji semula pada setiap akhir tahun kewangan untuk memastikan amaun dan kaedah susut nilai adalah menepati jangkaan corak penggunaan manfaat ekonomi masa hadapan yang terkandung di dalam item hartanah, loji dan peralatan.

Kos adalah termasuk perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan sesuatu aset. Kos aset yang dibina sendiri adalah termasuk kos bahan, kos buruh langsung dan kos yang terlibat secara langsung bagi membolehkan aset itu berfungsi mengikut tujuan kegunaannya, juga kos membuka, memindahkan dan memulihkan tapak lokasi aset itu.

2.1 Dasar-Dasar Perakaunan Utama (sambungan)

(i) Kemudahan Pelabuhan

Kemudahan pelabuhan adalah dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul. Semua perbelanjaan, yang dikaitkan dengan pembangunan kemudahan termasuk kos faedah dipermodalkan yang dilunaskan sepanjang anggaran hayat kegunaan.

Kadar tahunan utama susut nilai adalah :

Tanah pegangan pajakan pelabuhan	melebihi 99 tahun
Struktur pelabuhan	melebihi 10 - 50 tahun
Peralatan pelabuhan	melebihi 10 - 20 tahun

Pelunasan struktur pelabuhan adalah berdasarkan kaedah hasil di mana kos dilunaskan berdasarkan jumlah hasil sebenar pada tahun ke atas jumlah pendapatan yang dijangkakan yang akan dijana daripada operasi pelabuhan dalam tempoh anggaran hayat kegunaannya.

(j) Pelaburan Hartanah

Hartanah pelaburan adalah harta yang dipegang untuk memperolehi pendapatan sewa atau peningkatan modal atau kedua-duanya. Hartanah itu pada mulanya dinilai pada kos, termasuk kos transaksi. Selepas pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul.

Pelaburan hartanah meliputi bangunan pejabat dan industri yang tidak digunakan oleh Perbadanan atau Kumpulan. Tanah pegangan bebas mempunyai hayat tidak terhad dan maka dengan itu ianya tidak disusutnilaikan. Susut nilai bangunan di atas tanah pegangan bebas dengan menggunakan asas garis lurus untuk menghapus kira kos harta itu kepada nilai sisa sepanjang anggaran hayat bergunanya pada kadar 2% setahun.

Pelaburan hartanah tidak lagi diiktiraf apabila ia telah dilupuskan atau apabila ia tidak lagi digunakan dan tiada manfaat ekonomi dijangka daripada pelupusan tersebut. Sebarang keuntungan atau kerugian dari pelupusan pelaburan hartanah diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif dalam tahun pelupusan.

(k) Inventori

(i) Tanah Dipegang Untuk Pembangunan Hartanah

Tanah dipegang untuk pembangunan hartanah terdiri daripada tanah di mana aktiviti pembangunan telah dijalankan atau di mana aktiviti pembangunan tidak dijangka akan disiapkan dalam kitaran operasi biasa. Tanah tersebut diklasifikasikan sebagai bukan semasa dan dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosot nilai terkumpul.

Tanah dipegang untuk pembangunan hartanah dikelaskan semula sebagai kos pembangunan hartanah apabila aktiviti pembangunan telah bermula dan di mana ia menunjukkan bahawa aktiviti pembangunan boleh disiapkan dalam kitaran operasi biasa iaitu dalam 2 hingga 3 tahun. Kos termasuk dalam pengambilalihan tanah adalah harga belian tanah, yuran profesional, duti setem, komisen, yuran pertukaran dan lain-lain levi yang berkaitan.

2.1 Dasar-Dasar Perakaunan Utama (sambungan)

(k) Inventori

(ii) Kos Pembangunan Hartanah

Kos pembangunan hartanah merangkumi kos yang berkaitan dengan penyerahan tanah dan semua kos yang berkaitan secara langsung dengan aktiviti pembangunan atau yang boleh diperuntukkan secara munasabah kepada aktiviti tersebut. Kos pembangunan hartanah yang tidak diiktiraf sebagai perbelanjaan diiktiraf sebagai aset, dan diukur pada nilai terendah antara kos dan nilai boleh realisasi bersih.

Lebih hasil yang diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif daripada bil kepada pembeli dikelaskan sebagai bil terakru dalam penghutang perdagangan dan lebih bil kepada pembeli daripada pendapatan yang diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif ditunjukkan di bawah pemiutang dagangan.

(iii) Lain lain Inventori

Inventori dinyatakan pada kos dan nilai realisasi bersih, yang mana lebih rendah.

Kos ditentukan dengan menggunakan kaedah kos purata wajaran. Kos peralatan dan alat ganti terdiri daripada kos pembelian dan kos bawaan inventori ke lokasi mereka. Inventori merangkumi rumah, rumah kedai dan bangunan kilang yang telah siap dibina untuk dijual. Hartanah siap dipegang untuk dijual dinyatakan pada yang lebih rendah antara kos dan nilai pasaran bersih. Kos ditentukan kaedah pengenalan khusus termasuk kos tanah, pembinaan dan belanja pembangunan yang sewajarnya.

Lain-lain inventori termasuk alatan dan barangan lebihan yang dinyatakan pada yang lebih rendah antara kos dan nilai pasaran bersih. Kos bagi lain-lain inventori adalah ditentukan daripada kos belian campur semua kos yang terlibat untuk menghasilkan alatan atau barangan tersebut.

(l) Kos Pinjaman

Kos pinjaman akan dianggap sebahagian daripada modal aset apabila ia digunakan untuk membeli, membina dan menghasilkan aset tersebut bagi menyediakan aset tersebut seperti yang dikehendaki untuk kegunaan atau untuk tujuan jualan. Kos pinjaman yang lain daripada tujuan tersebut di atas adalah dianggap sebagai belanja dalam untung rugi pada masa ia ditanggung.

(m) Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Kumpulan dan Perbadanan menjadi pihak yang terlibat kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan.

Instrumen kewangan diukur pada nilai saksama, dalam kes aset kewangan bukan pada nilai saksama ia diukur pada kos urusan langsung. Kumpulan dan Perbadanan menentukan klasifikasi instrumen kewangan pada pengiktirafan awal. Ia boleh diklasifikasikan sebagai liabiliti atau ekuiti menurut dasar dalam perjanjian kontrak, faedah, dividen, keuntungan dan kerugian berkaitan dengan instrumen kewangan tersebut. Pengagihan kepada pemegang instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai ekuiti dicajkan terus ke ekuiti. Jika diklasifikasikan sebagai liabiliti, ia akan terus dilaporkan sebagai belanja dan pendapatan. Instrumen kewangan boleh diselaraskan apabila

2.1 Dasar-Dasar Perakaunan Utama (sambungan)

(m) Instrumen Kewangan (sambungan)

Perbadanan mempunyai hak di sisi undang-undang untuk dikontra dan berniat untuk menjelaskannya samada secara bersih atau merealisasikan aset dan menjelaskan liabiliti secara serentak. Instrumen kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Kumpulan dan Perbadanan menjadi pihak yang terlibat kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan.

(i) Tunai dan Setara Tunai

Tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank dan deposit dengan institusi kewangan berlesen, tetapi tidak termasuk deposit dengan institusi kewangan berlesen yang telah dicagarkan untuk jaminan dan kemudahan bank lain yang diberikan kepada Kumpulan dan Perbadanan sebagai cagaran, dan overdraf bersih bank yang belum dijelaskan.

(ii) Pinjaman dan Penghutang

Penghutang dinyatakan pada kadar nilai yang dijangka boleh direalisasi. Hutang lapuk dihapuskan apabila dikenalpasti. Anggaran dibuat bagi hutang ragu berdasarkan semakan yang dibuat ke atas baki yang belum dijelaskan pada tarikh kedudukan kewangan.

(iii) Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada kos iaitu nilai saksama jumlah yang akan dibayar pada masa depan untuk belian dan perkhidmatan yang diterima.

(iv) Ekuiti

Saham biasa dinyatakan sebagai ekuiti. Dividen ke atas saham biasa diiktiraf di dalam ekuiti pada tahun ianya diisytiharkan dan diluluskan untuk pembayaran.

(v) Pelaburan Sekuriti

Pasaran sekuriti tersiar harga yang diklasifikasikan sebagai pelaburan sekuriti selepas mengambil kira rosot nilai termasuk aset kewangan yang sedia dijual.

(n) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Perbadanan dan Kumpulan mempunyai obligasi semasa disebabkan daripada peristiwa yang lalu, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber-sumber ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut dan jumlah obligasi tersebut boleh dianggarkan dengan pasti.

Peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh laporan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Jika didapati aliran keluar sumber ekonomi tidak lagi diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut, peruntukan yang telah dibuat akan diterbalikkan. Jika kesan nilai masa wang adalah ketara, peruntukan didiskaunkan dengan menggunakan kadar semasa sebelum cukai yang memberi kesan risiko tanggungan. Apabila pendiskaunan digunakan, peningkatan dalam peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai kos kewangan.

2.1 Dasar-Dasar Perakaunan Utama (sambungan)

(o) Tanggungan

Tanggungan berupa pinjaman, pemiutang perdagangan dan pelbagai pemiutang yang dinyatakan pada kos.

(p) Faedah Pekerja

(i) Faedah Jangka Pendek

Gaji pokok, bonus, elaun bantuan sara hidup, elaun khidmat awam dan elaun perumahan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh pekerja. Pampasan ketidakhadiran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan hak mereka kepada ketidakhadiran dimasa hadapan. Pampasan ketidakhadiran tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

(ii) Pelan Caruman Wajib

Perbadanan dan syarikat subsidiari membuat sumbangan bulanan sebanyak 17.5% daripada gaji pokok kakitangan yang layak kepada Kumpulan Wang Amanah Pencen sebagai pencen. Caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif apabila ia tertanggung. Perbadanan dan subsidiari juga membayar caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") menurut peruntukan undang-undang Malaysia.

(iii) Manfaat Pemberhentian

Subsidiari dalam kumpulan akan membayar manfaat pemberhentian apabila kakitangan ditamatkan perkhidmatannya sebelum tamat tempoh persaraannya atau apabila kakitangan itu menerima pemberhentian secara sukarela sebagai pertukaran manfaat ini. Kumpulan mengiktiraf manfaat pemberhentian apabila ia komited sama ada menamatkan perkhidmatan pekerja sedia ada mengikut pelan rasmi terperinci tanpa ada kemungkinan penarikan semula dibuat atau menyediakan manfaat pemberhentian hasil daripada tawaran yang dibuat untuk menggalakkan pemberhentian sukarela.

(q) Pajakan

Pajakan hartanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai pajakan kewangan apabila kesemua risiko dan manfaat dipindahkan kepada Perbadanan dan Kumpulan. Semua pajakan lain dianggap sebagai pajakan operasi. Bayaran pajakan operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan yang berkaitan. Manfaat bagi agregat insentif yang diberikan oleh pemberi pajak diiktiraf sebagai pengurangan perbelanjaan sewa sepanjang tempoh pajakan atas asas garis lurus.

2.1 Dasar-Dasar Perakaunan Utama (sambungan)

(r) Harta Pajak

Harta pajak diperoleh di bawah perjanjian pajak kewangan adalah dipermodalkan. Polisi susut nilai bagi harta tersebut adalah sama sebagaimana dikira bagi lain-lain harta kumpulan. Hutang patut dibayar yang belum dijelaskan dibawah perjanjian pajak selepas ditolak perbelanjaan kewangan adalah dikira sebagai tanggungan di dalam akaun. Perbelanjaan kewangan bagi sewa pajak adalah dikenakan kepada Penyata Pendapatan Komprehensif atas jangka masa mengikut perjanjian masing-masing.

(s) Pendapatan

Pendapatan diiktiraf setakat mana terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi akan mengalir kepada Perbadanan dan Kumpulan dan pendapatan boleh dianggarkan dengan pasti. Pendapatan diukur pada nilai saksama pertimbangan yang diterima atau belum diterima.

(i) Pendapatan Dividen

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk menerima bayaran ditentukan.

(ii) Jualan Tanah

Pendapatan jualan pada nilai saksama harga jualan kontrak, yang akan diterima dan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif bila sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan telah berpindah kepada pembeli.

(iii) Jualan Inventori

Pendapatan berkaitan dengan jualan barangan diiktiraf selepas diskaun dan rebat apabila risiko dan ganjaran telah dipindahkan kepada pembeli

(iv) Yuran Pengurusan

Yuran pengurusan berkenaan dengan perkhidmatan pengurusan yang disediakan oleh Perbadanan dan Kumpulan diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan.

(v) Pendapatan Sewa

Pendapatan sewa dari ruang niaga kompleks perniagaan, pajak tanah dan chalet yang diiktiraf sepanjang tempoh penyewaan atau pajak.

(vi) Operasi Hotel dan Restoran

Pendapatan daripada operasi hotel dan restoran terdiri daripada sewa bilik hotel, jualan makanan dan minuman dan lain-lain pendapatan berkaitan diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan.

2.1 Dasar-Dasar Perakaunan Utama (sambungan)

(s) Pendapatan

(vii) Perkhidmatan Pelabuhan

Pendapatan daripada perkhidmatan pelabuhan dan penyediaan perkhidmatan kontena diukur pada nilai saksama yang akan diterima dan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

(viii) Operasi Berkaitan Taman Tema

Hasil jualan barang (barangan, foto, makanan dan minuman) diiktiraf berdasarkan nilai invois barangan yang dijual apabila risiko dan ganjaran telah dipindahkan. Pendapatan daripada jualan perkhidmatan diiktiraf selepas diskaun apabila perkhidmatan dilaksanakan.

Yuran kemasukan yang dikutip untuk hak menikmati kemudahan diiktiraf apabila tiket ditebus.

Hasil daripada penjualan pas tahunan ditunda dan diiktiraf sepanjang tempoh pas yang sah.

(x) Faedah Diterima

Pendapatan faedah diiktiraf berdasarkan nisbah masa yang mencerminkan hasil efektif aset tersebut.

(xi) Tenaga Solar

Pendapatan daripada tenaga solar diiktiraf pada asas akruan.

(xii) Produk Barangan

Jualan produk barangan diiktiraf di dalam penyata Pendapatan Komprehensif apabila risiko dan ganjaran pemilikan berpindah kepada pembeli.

(xiii) Pendapatan Kontrak Pembinaan

Hasil dari kontrak pembinaan dalam jangka pendek diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif apabila kerja itu selesai dijalankan. Hasil daripada kontrak pembinaan dalam jangka panjang diiktiraf sebagai hasil dan perbelanjaan dengan menggunakan kaedah penyiapan berperingkat. Kaedah penyiapan berperingkat diukur dengan merujuk kepada kadar kos kontrak yang ditanggung untuk kerja yang dilakukan kepada anggaran jumlah kos kontrak.

Di mana hasil daripada kontrak pembinaan tidak boleh dianggarkan dengan pasti, hasil kontrak diiktiraf untuk melanjutkan kos kontrak yang terjejas bahawa kemungkinan akan dapat diperolehi semula. Apabila terdapat kemungkinan bahawa kos kontrak akan melebihi jumlah hasil kontrak, kerugian yang dijangkakan diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta-merta.

2.1 Dasar-Dasar Perakaunan Utama (sambungan)

(t) Cukai Pendapatan

(i) Cukai Semasa

Aset dan liabiliti cukai semasa diukur pada jumlah yang dijangka akan diperolehi semula daripada atau dibayar kepada pihak berkuasa cukai.

Cukai semasa diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali yang berkaitan dengan perkara yang diiktiraf di luar untung atau rugi, sama ada dalam pendapatan komprehensif lain atau dalam ekuiti.

(ii) Cukai Tertunda

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara pada tarikh laporan antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai dibawa untuk tujuan laporan kewangan. Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara, kecuali:

- mana liabiliti cukai tertunda timbul daripada pengiktirafan awal muhibbah atau aset atau liabiliti dalam urusanniaga yang bukan kombinasi perniagaan dan pada masa urusanniaga, tidak memberi kesan kepada keuntungan perakaunan atau keuntungan boleh cukai atau kerugian dan
- berkenaan dengan perbezaan sementara boleh cukai berkaitan dengan pelaburan dalam subsidiari, syarikat bersekutu dan kepentingan dalam usaha sama, di mana masa pembalikan perbezaan sementara boleh dikawal dan terdapat kemungkinan bahawa perbezaan sementara tersebut tidak akan berbalik pada masa hadapan.

Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh ditolak, membawa ke hadapan kredit cukai yang tidak digunakan dan kerugian cukai tidak digunakan, setakat mana terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai akan tersedia terhadap yang mana perbezaan sementara boleh ditolak, dan dibawa ke hadapan kredit cukai yang tidak digunakan dan kerugian cukai tidak digunakan boleh digunakan kecuali:

- di mana aset cukai tertunda berkaitan dengan perbezaan sementara boleh dipotong timbul daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urusanniaga yang bukan merupakan kombinasi perniagaan dan pada masa urusanniaga, tidak memberi kesan kepada keuntungan perakaunan atau keuntungan boleh cukai atau kerugian; dan
- berkaitan dengan perbezaan sementara yang boleh ditolak berkaitan dengan pelaburan dalam subsidiari, syarikat bersekutu dan kepentingan dalam usaha sama, aset cukai tertunda diiktiraf hanya setakat yang ia berkemungkinan bahawa perbezaan sementara tersebut akan berbalik pada masa hadapan dan keuntungan boleh dicukai akan tersedia terhadap yang mana perbezaan sementara boleh digunakan.

Amaun dibawa bagi aset cukai tertunda dikaji semula pada setiap tarikh laporan dan dikurangkan setakat yang ia tidak lagi berkemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai yang mencukupi akan tersedia untuk membolehkan semua atau sebahagian daripada aset cukai tertunda digunakan.

